

# JAWAPAN

## UNIT 1

### Sihat Membawa Kebahagiaan

#### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

makanan yang seimbang; jatuh sakit; kekejangan otot; berfungsi dengan baik; menunggang basikal; membuang toksin; menghirup udara; menjejaskan kesihatan diri

#### PBD Kemahiran Menulis

|    | Perkataan  | Maksud                                                       | Contoh Ayat                                                                                                                                           |
|----|------------|--------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | bakteria   | organisma seni yang sesetengahnya dapat menyebabkan penyakit | <b>Bakteria</b> dapat membiak dalam makanan akibat proses penyediaan makanan yang kotor serta makanan tidak dimasak dengan sempurna.                  |
| 2. | virus      | sejenis kuman yang halus yang dapat menyebabkan penyakit     | Demam denggi ialah penyakit jangkitan <b>virus</b> yang merebak melalui gigitan nyamuk.                                                               |
| 3. | agen       | apa-apa yang menyebabkan sesuatu berlaku                     | Tanaman seperti durian, kelapa sawit, kopi, dan koko bergantung pada serangga yang berperanan sebagai <b>agen</b> pendebungaan.                       |
| 4. | wabak      | sejenis penyakit yang berjangkit atau merebak                | <b>Wabak</b> COVID-19 mula dikesan di Malaysia pada hujung bulan Januari 2020.                                                                        |
| 5. | berjangkit | berpindah daripada seorang kepada seorang                    | Norma baharu merupakan peraturan baharu yang diterima atau diguna pakai oleh masyarakat akibat penularan penyakit <b>berjangkit</b> seperti COVID-19. |
| 6. | antiseptik | bahan kimia untuk membunuh bakteria                          | Pengunjung pasar mini itu perlu menggunakan cecair <b>antiseptik</b> untuk mencuci tangan sebelum memasuki premis tersebut.                           |

## UNIT 2

### Amalan Kesejahteraan Hidup

#### PBD Kemahiran Menulis

COVID-19 ialah satu daripada jenis koronavirus yang dapat menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Jangkitan koronavirus dapat menyebabkan gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru yang teruk. Covid-19 dapat merebak melalui beberapa cara termasuklah batuk dan bersin oleh orang yang dijangkiti, sentuhan fizikal secara langsung dengan orang yang dijangkiti, dan sentuhan pada permukaan objek yang telah dijangkiti virus. Dengan itu, kita wajar mengambil langkah-langkah pencegahan dengan memakai pelitup muka,

mengelakkan bersentuhan dengan orang lain, dan sentiasa membersihkan tangan dengan cecair pembasmi kuman. Antara simptom jangkitan virus ini termasuklah demam, tanda-tanda penyakit selesema, batuk, dan kesukaran bernafas. Oleh itu, kita wajar mendapatkan rawatan dengan secepat mungkin sekiranya mempunyai simptom-simptom tersebut.

## UNIT 3

### Sayangi Nyawa Anda

#### PBD Kemahiran Membaca

|    | Perkataan  | Maksud                                                                                                       |
|----|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | rangkaiian | sistem komputer yang saling bersambung dan boleh berkomunikasi antara satu sama lain                         |
| 2. | siber      | berkaitan dengan komputer dan Internet                                                                       |
| 3. | kesahihan  | perihal sah (benar, pasti, sah)                                                                              |
| 4. | data       | butir atau maklumat yang telah diketahui atau yang telah dikumpulkan tentang sesuatu                         |
| 5. | penggodam  | orang yang mencerooboh masuk ke dalam sistem komputer untuk mengakses data dan maklumat sulit dan sebagainya |

#### PBD Kemahiran Menulis

Jawapan murid

## UNIT 4

### Keselamatan di Mana-mana

#### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Murid disarankan agar mengambil bahan kimia secukupnya untuk membuat eksperimen supaya tidak membazir. Di makmal sains, murid-murid dilarang untuk mengambil bahan kimia secara berlebihan supaya tidak membazir. Selain itu, murid-murid dilarang untuk mengambil bahan kimia menggunakan tangan supaya tangan tidak melecur atau terhakis. Seterusnya, murid-murid dilarang untuk merasa bahan kimia jika tidak disuruh oleh guru kerana sesetengah bahan kimia mengandungi racun dan bersifat menghakis.

#### PBD Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

penyakit berbahaya seperti COVID-19 sangat cepat merebak – fenomena penyakit berjangkit ini sering diuar-uarkan dalam media cetak dan media elektronik supaya masyarakat berwaspada – pelbagai cara untuk menghindari penyakit berjangkit turut ditekankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

##### Isi-isi penting:

- mengamalkan kebersihan diri – memastikan anggota badan bersih – tangan yang kotor terdedah kepada virus – tangan menyentuh deria mata, hidung, mulut – virus masuk ke dalam badan dan melemahkan daya ketahanan diri terutama bagi kanak-kanak dan penghidap penyakit kronik

- (b) tidak mengunjungi negara-negara yang telah diisytiharkan terkena wabak – tidak berada di tempat-tempat yang sesak – membawa ubat-ubatan dan mendapatkan suntikan vaksin jika terpaksa berada di sesuatu tempat atas urusan penting – sentiasa memakai pelitup muka
- (c) mendapatkan suntikan atau imunisasi supaya badan lali terhadap penyakit – mengambil ubat yang berkaitan untuk meningkatkan ketahanan diri – minum air yang mencukupi untuk menyingkirkan bahan kumuh dan toksin daripada badan
- (d) berkunjung ke pusat kesihatan terdekat untuk mendapatkan nasihat daripada doktor – menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk mengesan tanda-tanda awal sesuatu penyakit – peka terhadap isu semasa terutama tentang penularan sesuatu penyakit

**Penutup:**  
kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang masa – mencegah itu lebih baik daripada merawat – “Kesihatan itu mahkota hidup”

UNIT 5

Serasi Bersama

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Teks ucapan di atas menerangkan langkah-langkah kerajaan untuk mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Antaranya ialah kerajaan mengiktiraf dan menghormati budaya dan perayaan agama yang lain. Kerajaan memberikan cuti umum pada hari perayaan. Oleh itu, rakyat dapat merayakan hari yang bermakna itu bersama-sama. Walaupun kerajaan mengamalkan rakyat bertutur dalam bahasa Melayu, namun bahasa-bahasa lain boleh digunakan. Seterusnya, kerajaan membenarkan kaum-kaum tertentu mendirikan sekolah dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Kerajaan juga membenarkan radio dan akhbar beroperasi dalam pelbagai bahasa dengan tujuan memberikan maklumat yang tepat dan benar kepada rakyat.

PBD Kemahiran Membaca

| Prinsip Rukun Negara                | Maksud                                                                                                         |
|-------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Kepercayaan kepada Tuhan         | Masyarakat yang mengamalkan kelakuan yang terpuji sesuai dengan amalan budaya masing-masing.                   |
| 2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara | Masyarakat yang ada pegangan agama akan mengamalkan nilai-nilai hidup yang sempurna supaya negara aman makmur. |
| 3. Keluhuran Perlembagaan           | Masyarakat yang mematuhi undang-undang untuk hidup aman, stabil, dan makmur.                                   |
| 4. Kedaulatan Undang-undang         | Masyarakat yang menumpahkan taat setia kepada pemerintah.                                                      |
| 5. Kesopanan dan Kesusilaan         | Masyarakat yang menerima Perlembagaan Negara sebagai sumber rujukan untuk mentadbir negara.                    |

UNIT 6

Perpaduan

PBD Kemahiran Menulis

Satu daripada kepentingan memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia adalah untuk menanam semangat cinta akan negara. Anak-anak yang telah dipupuk dengan semangat cinta akan negara akan berasa bangga menjadi rakyat Malaysia. Oleh itu, mereka mereka sanggup mempertahankan negara daripada ancaman anasir luar atau musuh.

Selain itu, semangat nasionalisme juga dapat membentuk jati diri yang kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia tidak mudah lupa akan asal usul mereka seperti “kacang lupukan kulit”. Mereka akan bekerja dengan lebih kuat untuk membangunkan negara. Mereka pasti akan menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan berusaha untuk menjadi warganegara Malaysia yang sejati.

Di samping itu, semangat nasionalisme juga dapat memupuk perpaduan antara kaum. Sesungguhnya, semangat nasionalisme akan membentuk minda rakyat supaya mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan kaum. Dengan wujudnya perpaduan kaum, maka kerajaan akan dapat melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia.

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berganding bahu ke arah usaha memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana, perasaan cinta akan negara menjadi satu daripada faktor Malaysia disegani di seluruh dunia.

PBD Aspek Seni Bahasa

- desa; masa
- waktu; bantu-membantu
- keji; dibenci
- berjiran; fikiran

UNIT 7

Citra Bangsa

PBD Kemahiran Menulis

kerja-kerja memilih daun mengkuang pada pokok mengkuang; dibelah dengan cara menarik dengan menggunakan jangka; direbus untuk membuang klorofil; dijemur hingga kering; direndam sekali lagi di dalam cecair pewarna yang berbeza-beza; dijemur di bawah cahaya matahari hingga kering; dianyam dalam pelbagai corak; dipakai sendiri atau dipasarkan

UNIT 8

Tautan Seni Subur Harmoni

PBD Kemahiran Menulis

1. Dapat membina fizikal, mental, dan emosi remaja.
2. Dapat menjadi kegiatan riadah.
3. Dapat menjadi hiburan kepada remaja.
4. Dapat memperkukuh hubungan dan ikatan sosial sesama mereka.
5. Dapat memupuk sikap dan nilai kerjasama.

## PBD Aspek Tatabahasa

|    |              |                                                               |                                            |
|----|--------------|---------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1. | <b>Pola</b>  | <b>Frasa Nama (FN)</b>                                        | <b>Frasa Nama (FN)</b>                     |
|    | Frasa        | Tarian zapin                                                  | tarian tradisi negeri Johor.               |
|    | Ayat lengkap | Tarian zapin tarian tradisi negeri Johor.                     |                                            |
| 2. | <b>Pola</b>  | <b>Frasa Nama (FN)</b>                                        | <b>Frasa Nama (FN)</b>                     |
|    | Frasa        | Dua orang lelaki itu                                          | menarikan tarian ngajat.                   |
|    | Ayat lengkap | Dua orang lelaki itu menarikan tarian ngajat.                 |                                            |
| 3. | <b>Pola</b>  | <b>Frasa Nama (FN)</b>                                        | <b>Frasa Nama (FN)</b>                     |
|    | Frasa        | Nyanyian lagu asli itu                                        | sungguh merdu.                             |
|    | Ayat lengkap | Nyanyian lagu asli itu sungguh merdu.                         |                                            |
| 4. | <b>Pola</b>  | <b>Frasa Nama (FN)</b>                                        | <b>Frasa Nama (FN)</b>                     |
|    | Frasa        | Shima dan Salbiyah                                            | ke Pameran Seni Kraf Tangan Malaysia 2021. |
|    | Ayat lengkap | Shima dan Salbiyah ke Pameran Seni Kraf Tangan Malaysia 2021. |                                            |

## UNIT 9 Rakyat Berjasa Negara Terbilang

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Bilakah P. Ramlee dilahirkan?; Di manakah P. Ramlee mendapat pendidikan?; Mengapakah P. Ramlee dikatakan sebagai penggiat seni serba boleh?; Selain anugerah “Seniman Terbaik”, “Lagu Terbaik”, Pelakon Terbaik”, “Filem Terbaik”, dan “Seniman Agung Negara”, apakah anugerah lain yang diterima oleh P. Ramlee?

### PBD Aspek Tatabahasa

Ketua Kampung Paya Dalam; rondaan diadakan pada waktu malam; Penduduk Kampung Paya Dalam; rondaan secara bergilir-gilir; lembaga hitam; semak samun; jenayah pecah rumah; Kampung Kaki Bukit

## UNIT 10 Jasamu Pemimpin

### PBD Kemahiran Membaca

| Perkataan    | Maksud                              |
|--------------|-------------------------------------|
| 1. menerajui | memegang teraju pemimpin            |
| 2. idealisme | hasrat atau cita-cita yang unggul   |
| 3. gagasan   | buah fikiran yang dijadikan saranan |

|            |                                                                   |
|------------|-------------------------------------------------------------------|
| 4. global  | mengenai seluruh dunia atau sejagat                               |
| 5. retorik | menggunakan bahasa yang indah untuk memujuk pendengar             |
| 6. kritis  | tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu    |
| 7. negatif | tidak mempunyai nilai, ciri, kualiti, dan sebagainya yang membina |
| 8. lateral | menyelesaikan masalah dengan daya imaginasi                       |

### PBD Kemahiran Menulis

Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, Pahang pada 11 Mac 1922. Beliau anak **sulung** Dato' Hussein bin Mohd Taib dan Hajah Teh Fatimah binti Daud.

Tun Abdul Razak telah dilantik untuk menggantikan Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj sebagai Perdana Menteri Malaysia **kedua** pada tahun 1970. Sepanjang perkhidmatannya sebagai anggota kerajaan, beliau telah banyak memberikan sumbangan, khasnya terhadap pembangunan negara ini dan luar bandar. **Oleh sebab itu**, rakyat memberikan gelaran Bapa Pembangunan Malaysia **kepada** beliau untuk menghargai jasanya itu.

Selain itu, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein yang juga Menteri Pelajaran, telah banyak memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan. Untuk **merombak** sistem pelajaran penjahaj, beliau telah menghasilkan Penyata Razak pada tahun 1956. Usaha beliau ini berjaya **menyatupadukan** sistem pelajaran untuk membina sebuah bangsa yang bersatu padu dengan harapan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa **pengantar** utama di semua sekolah.

## UNIT 11 Sinar Masa Depan

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Selain ciri-ciri asas yang kecil dan ringan serta mudah dibawa ke mana-mana, pemacu pena ini dapat digunakan sebagai alat hiburan kerana mampu menjalankan aplikasi dan permainan. Sekiranya terdapat virus dalam mana-mana data simpanan saudara, alat ini dapat mengimbas virus tersebut.; Harga pemacu pena mengikut kapasiti penyimpanan data. Misalnya, RM15 untuk pemacu pena yang berkapasiti 4GB manakala RM35 untuk pemacu pena yang berkapasiti 64GB.; Jika berlaku kerosakan dalam tempoh kurang dari enam bulan, saudara akan diberikan pemacu pena yang baharu.

### PBD Kemahiran Membaca

1. Penanaman secara hidroponik bermaksud menanam tumbuhan tanpa menggunakan tanah, iaitu meletakkan akar pokok secara langsung ke dalam air baja atau nutrien.
2. Penanaman secara hidroponik dikatakan mesra alam kerana tidak menggunakan racun rumpai dan racun serangga.
3. Penanaman secara hidroponik dapat mengelakkan berlakunya gangguan ekosistem kerana petani tidak perlu menyediakan tapak samaian sebaliknya menggunakan medium sekam padi, habuk kayu, dan habuk sabut kelapa.
4. Antara keistimewaan sayur-sayuran yang ditanam secara hidroponik ialah tidak mengandungi racun serangga, bersih, segar, dan lumayan.

## UNIT 12

### Sains Merentas Kehidupan

#### PBD Kemahiran Menulis

| Perkataan         | Makna                                                                              |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. diimport       | sesuatu barang dibawa masuk dari luar negara                                       |
| 2. berteknologi   | mempunyai teknologi                                                                |
| 3. didefinisikan  | diberikan takrif                                                                   |
| 4. produk         | sesuatu barang yang dikeluarkan oleh kilang                                        |
| 5. mikroorganisma | organisma halus yang hanya dapat dilihat melalui mikroskop                         |
| 6. bakteria       | organisma seni yang hidup dalam tanah, air, atau badan tumbuh-tumbuhan atau haiwan |
| 7. jenama         | jenis barang yang memakai nama khas yang dikeluarkan oleh pengeluar tertentu       |
| 8. luput          | sesuatu yang sudah lepas                                                           |

#### PBD Aspek Seni Bahasa

Jawapan murid

## UNIT 13

### Lestarikan Kehijauan Bumi

#### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Teks ucapan di atas adalah tentang bantahan Projek Bandar Baharu Bukit Putus. Antara sebab bantahan terhadap projek tersebut ialah Kampung Bukit Putus merupakan kawasan sawah padi yang membekalkan makanan utama kepada penduduk tempatan. Selain itu, lebih daripada 80 peratus penduduk Kampung Bukit Putus akan menganggur. Seterusnya, anak-anak penduduk Kampung Bukit Putus sukar untuk pergi ke sekolah yang terletak di Kampung Bukit Putus. Selanjutnya, pihak pemaaju enggan menyediakan penempatan yang baharu kepada penduduk tempatan, sebaliknya hanya menawarkan pampasan sebanyak empat puluh dua ribu ringgit sahaja untuk setiap keluarga. Jumlah pampasan yang sedikit tidak membolehkan penduduk Kampung Bukit Putus memiliki rumah sendiri.

#### PBD Kemahiran Membaca

##### Perenggan 1

###### Idea utama:

Fenomena pencairan ais di kawasan kutub pada masa ini dikaitkan dengan peningkatan suhu bumi.

###### Idea sampingan:

Perubahan iklim global dan penipisan lapisan ozon telah menyebabkan suhu bumi kian panas sehingga menyumbang kepada peningkatan aras laut yang luar biasa.

Peningkatan aras laut mengancam kawasan rendah dan ada yang diramalkan akan tenggelam suatu masa nanti.

##### Perenggan 2

###### Idea utama:

Peningkatan suhu bumi yang mendadak juga menyebabkan penyakit berbahaya seperti penyakit kulit, katarak, dan strok haba semakin menular.

###### Idea sampingan:

Pancaran cahaya matahari yang mengandungi ultraungu yang berlebihan mendedahkan manusia terhadap risiko menghidap kanser kulit.

##### Perenggan 3

###### Idea utama:

Selain itu, kos hidup semakin bertambah kerana kebanyakan rumah dipasang penyaman udara untuk mengurangkan kepanasan.

###### Idea sampingan:

Masyarakat terpaksa mengeluarkan wang yang lebih banyak untuk membayar bil elektrik agar dapat hidup dengan selesa.

Penggunaan penyaman udara memburukkan keadaan kerana dapat menyebabkan ozon semakin menipis.

## UNIT 14

### Selamatkan Bumi Kita

#### PBD Kemahiran Membaca

| Perkataan           | Maksud                                                      |
|---------------------|-------------------------------------------------------------|
| 1. flora            | tumbuh-tumbuhan                                             |
| 2. fauna            | binatang seperti mamalia, unggas, serangga, dan ikan        |
| 3. global           | seluruh dunia atau sejagat                                  |
| 4. habitat          | tempat tinggal semula jadi sesuatu spesies                  |
| 5. berjerebu        | debu yang terapung-apung di udara                           |
| 6. diseludup        | sesuatu barang dibawa masuk ke sesebuah negara secara haram |
| 7. mencecah         | hampir berharga                                             |
| 8. kemusnahan       | kebinasaan                                                  |
| 9. berstatus tinggi | mempunyai taraf atau kedudukan yang tinggi                  |
| 10. mengekalkan     | memelihara supaya kekal                                     |

#### PBD Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

kempen "Cintai Sungai Kita" amat penting untuk menyedarkan masyarakat – sungai merupakan nadi kehidupan manusia – sungai merupakan khazanah alam semula jadi ciptaan Tuhan yang perlu dipelihara

##### Isi-isi penting:

- membekalkan sumber air kepada manusia dan haiwan – kegunaan domestik seperti mandi, mencuci, dan memasak – membina empangan hidroelektrik untuk membekalkan tenaga elektrik bagi kegunaan perindustrian seperti pemprosesan kelapa sawit – membina saliran untuk mengairi kawasan pertanian seperti sawah padi
- pelancongan berasaskan air – tempat berekreasi, beriadah, dan berkelah untuk menghiburkan hati dan menyegarkan badan – landskap yang cantik dapat menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara – aktiviti berkayak, bersampan, memancing, dan menjelajah hutan
- mewujudkan peluang pekerjaan – nelayan menangkap hasil sungai – menjual ikan, udang, dan ketam untuk menambah pendapatan – membekalkan makanan dan sumber potein kepada manusia



**Penutup**

kesimpulannya, sungai ialah sumber alam yang amat penting kepada manusia – sungai yang tercemar memudaratkan kehidupan manusia – peliharalah sungai untuk kesinambungan kehidupan generasi yang akan datang

UNIT  
15

**Pertanian Satu Perniagaan**

**PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

kambing kampung cepat membiak. Seekor kambing boleh beranak sehingga dua ekor anak pada satu-satu masa.; Permintaan terhadap daging kambing kampung amat menggalakkan terutama apabila menjelang Hari Raya Aidiladha dan majlis-majlis kenduri.; Pada hari ini, harga seekor kambing kampung boleh mencecah RM1200 hingga RM1500 bergantung pada saiz kambing itu.; Pada pukul 10.00 pagi, kambing-kambing boleh dikeluarkan dari kandang untuk meragut rumput. Pukul 6.00 petang, halau kambing-kambing kampung itu masuk ke dalam kandang semula. Selain itu, pada waktu malam, encik mesti menyalakan unggun api untuk menghalau nyamuk.

**PBD Aspek Tatabahasa**

| Perkataan   | Ayat                                                                                                   |
|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. pengguna | Pengguna berasa senang hati apabila barangan pertanian semakin murah.                                  |
| 2. penyakit | Pengambilan sayur-sayuran dalam diet harian dapat mengelakkan diri kita daripada dijangkiti penyakit.  |
| 3. tumbuhan | Pelbagai jenis tumbuhan berbunga dipamerkan di Pesta Floria di Putrajaya.                              |
| 4. rebusan  | Air rebusan herba yang diminumnya secara berterusan telah mengurangkan penyakit lelah yang dialaminya. |
| 5. dalaman  | Ibu mengambil suplemen setiap hari untuk memastikan kesihatan dalamnya terjamin.                       |

UNIT  
16

**Dunia Baharu Tani**

**PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Basuh kacang hijau hingga bersih supaya tidak berwarna kecoklatan dan cepat busuk. Rendam kacang hijau itu di dalam air selama beberapa jam. Pastikan semua kacang hijau di dalam bekas itu terendam di dalam air. Kacang hijau yang telah direndam itu akan mengembang. Tuskan kacang hijau yang telah kembang itu dengan penapis. Tabur kacang hijau ke dalam sebuah bekas yang beralas kain lembap. Ratakan kacang hijau itu pada semua permukaan bekas supaya tauge tidak tumbuh bertompok-tompok. Siram kacang hijau itu empat kali sehari. Selepas beberapa hari, kacang hijau di dalam bekas itu akan bercambah menjadi tauge. Buang kulit hijau yang terdapat pada tauge. Cuci tauge hingga bersih sebelum dimasak atau dipasarkan.

UNIT  
17

**Pengurusan Wang Berhemat**

**PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Amalan menabung banyak kebbaikannya. Wang saku yang diperoleh boleh disimpan di dalam tabung. Apabila wang di dalam tabung sudah penuh, kita boleh membuka akaun di bank. Banyak kelebihan menyimpan wang di bank. Antaranya termasuklah keselamatan wang lebih terjamin, menerima faedah atau sebahagian keuntungan daripada pihak bank, dan boleh dikeluarkan bila-bila masa. Wang simpanan dapat digunakan pada waktu-waktu kecemasan seperti membayar bil hospital, membeli ubat, dan menghadapi bencana. Selain itu, wang simpanan dapat digunakan pada masa depan terutama untuk menampung kos pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Ibarat kata pepatah, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. Oleh itu, amalan menabung wajar diamalkan dari sekarang kerana sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit.

**PBD Kemahiran Menulis**

Ibu bapa memainkan peranan penting untuk memupuk sikap berjimat cermat dan menabung dalam kalangan anak-anak. Amalan mulia ini mesti dididik sejak anak-anak masih kecil, bak kata pepatah “melentur buluh biarlah waktu rebung”.

Terdapat pelbagai cara ibu bapa mendidik anak-anak supaya menabung. Antaranya, ibu bapa menerangkan kepentingan wang dalam zaman globalisasi yang mengutamakan kebendaan dan material seperti yang terungkap dalam peribahasa “ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras” kepada anak-anak. Oleh itu, mereka mesti menyimpan wang sedikit demi sedikit untuk kegunaan pada waktu-waktu terdesak.

Selain itu, ibu bapa hendaklah berbelanja secara berhemah dan mengamalkan gaya hidup sederhana supaya dicontohi anak-anak. “Bagaimana acuan, begitulah kuihnya” menunjukkan bahawa anak-anak akan mencontohi apa-apa jua kelakuan ibu bapa.

Seterusnya, ibu bapa perlu memberikan peluang kepada anak-anak menguruskan perbelanjaan sendiri supaya mereka mengetahui nilai wang dan belajar untuk berdikari. Ibu bapa hanya memantau anak-anak dalam berbelanja dan menasihati mereka supaya tidak bersikap boros kerana orang yang boros tidak akan mampu menabung.

Di samping itu, ibu bapa digalakkan untuk membuka akaun simpanan anak-anak. Anak-anak pasti teruja apabila melihat jumlah wang yang tercatat dalam buku bank mereka bertambah setiap tahun kerana pulangan dividen dan bonus. Sikap suka menabung lama-kelamaan akan sebatikan dalam jiwa anak-anak.

Kesimpulannya, ibu bapa hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan amalan menabung sebagai budaya hidup dalam diri anak-anak demi masa depan mereka.

UNIT  
18

**Urus Tadbir Kewangan**

**PBD Kemahiran Membaca**

Apabila kita menyediakan senarai ini, kita tidak akan berbelanja sesuka hati dengan membeli barang-barang yang tidak perlu. Masa kita juga dapat dijimatkan.; Saya memilih barangan yang hendak dibeli dengan membandingkan harga barangan yang sama jenis. Saya memilih barang yang murah supaya dapat berjimat. Saya juga memilih produk yang berkualiti supaya wang yang saya keluarkan berbaloi dengan kualiti barang tersebut.; Saya membaca label sesuatu produk untuk mengetahui tarikh luput sesuatu barang. Barang yang sudah melebihi tarikh luput akan memberikan kesan terhadap kesihatan kita seperti keracunan, muntah-muntah, dan sebagainya.

| Kesalahan Ayat                                                                                           | Pembetulan                                                                                                   |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Hai, Farisya.                                                                                            | Hai, Farisya!                                                                                                |
| Saya hendak membeli barang-barang keperluan dapur seperti beras, gula, tepung, biskut, dan minyak masak? | Saya hendak membeli barang-barang keperluan dapur seperti beras, gula, tepung, biskut, dan minyak masak.     |
| Saya akan membeli barang-barang di <b>pasaraya</b> yang menjual barang-barang dengan harga yang murah.   | Saya akan membeli barang-barang itu di <b>pasar raya</b> yang menjual barang-barang dengan harga yang murah. |
| Kamu membayar barang-barang itu <b>bagaimanakah</b> ?                                                    | Kamu membayar barang-barang itu <b>bagaimana</b> ?/<br><b>Bagaimanakah</b> kamu membayar barang-barang itu?  |
| <b>Tolong jangan</b> lupa meminta resit daripada pekedai.                                                | <b>Jangan</b> lupa meminta resit daripada pekedai.                                                           |

## UNIT 19 Pesona Malaysia

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

| Maksud                                   | Perkataan |
|------------------------------------------|-----------|
| 1. melawat atau bercuti                  | melancong |
| 2. menurunkan barang                     | memunggah |
| 3. bermalam                              | menginap  |
| 4. meminjam sesuatu dengan membayar wang | menyewa   |
| 5. takut akan tempat yang tinggi         | gayat     |

### PBD Kemahiran Menulis

Semasa cuti sekolah yang lalu, saya menyertai lawatan ke Muzium Negara yang dianjurkan oleh sekolah saya. Mula-mula, kami melawat ke Galeri A, iaitu ruang yang mempamerkan bahan-bahan sejarah awal. Di sini, kami meneroka proses pembentukan muka bumi dan menghayati cara hidup masyarakat awal. Kami juga melihat pameran artifak.

Kemudian, kami ke Galeri B, iaitu tempat yang mempamerkan bahan sejarah yang berkaitan dengan kerajaan-kerajaan Melayu. Kami menelusuri sejarah pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara. Galeri ini lebih berfokus terhadap kerajaan Melayu Melaka.

Rombongan kami juga masuk ke Galeri C yang memaparkan bahan-bahan era kolonial. Kami dibawa menelusuri peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan kedatangan penjajah. Di galeri ini, kami dapat menimba pengetahuan tentang kesan penjajahan dari sudut politik, sosial, dan ekonomi.

Akhir sekali, kami ke Galeri D. Galeri ini mempamerkan bahan-bahan sejarah tentang Malaysia pada masa ini, termasuk menyingkap sejarah gerakan awal nasionalisme di negara kita. Ruang pameran ini juga memaparkan pencapaian negara kita selepas kemerdekaan hingga kini.

## UNIT 20 Indahnya Bumi Bertuah

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

|                                                                                                                      |   |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| 1. Hutan Lipur Sekayu dan Taman Pertanian Negeri Sekayu antara destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Pahang. |   |
| 2. Taman Pertanian Negeri Sekayu mempunyai landskap yang indah.                                                      | ✓ |
| 3. Antara pokok kayu yang tumbuh secara semula jadi di sini termasuklah merbau, jati, dan petaling.                  |   |
| 4. Di Hutan Lipur Sekayu, pelancong dapat mandi-manda di air terjun.                                                 | ✓ |
| 5. Air terjun ini terletak kira-kira 10 kilometer dari pekan Kuala Berang.                                           |   |
| 6. Pelancong juga boleh menjelajah hutan lipur ini melalui lorong konkrit dan denai hutan yang disediakan.           | ✓ |

### PBD Aspek Tatabahasa

biru; hitam; lama; bulat; spontan; geli; gembira; cepat

## UNIT 21 Sejarah Mengajar Erti Kehidupan

### PBD Kemahiran Membaca

| Kosa Kata      | Maksud                          | Contoh Ayat                                                                      |
|----------------|---------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 1. peninggalan | sesuatu bekas dari zaman dahulu | Rumah banglo itu peninggalan arwah ayahnya.                                      |
| 2. keluasan    | perihal luas                    | Keluasan tanah yang dimiliki oleh Hazim lebih luas daripada tanah milik adiknya. |
| 3. pentadbiran | perbuatan mentadbirkan          | Pentadbiran sekolah itu semakin lancar setelah ditadbir oleh pengetua baharu.    |
| 4. tradisional | bersifat atau mengikut tradisi  | Kanak-kanak di kampung itu gemar bermain permainan tradisional.                  |
| 5. bersalut    | berlapis dengan                 | Datuk menggunakan tongkat yang hulunya bersalut tembaga.                         |

**UNIT 22**

**Seni Warisan Anak Bangsa**

**PBD** Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pengumuman di atas menerangkan Persatuan Sejarah sekolah akan menyertai Pertandingan Tarian Tradisional pada peringkat daerah. Pertandingan tersebut akan diadakan pada 7 Mac 2021. Oleh itu, Persatuan Sejarah ingin mengadakan uji bakat dalam kalangan ahli persatuan yang ingin menyertai pertandingan tersebut. Ahli persatuan yang ingin menyertai uji bakat perlu bersedia dengan tarian yang akan dipersembahkan, iaitu tarian zapin tenglu atau zapin pekajang. Uji bakat tersebut akan diadakan pada hari Sabtu, pukul 9.30 pagi hingga pukul 12.30 tengah hari di dewan sekolah. Ahli persatuan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Setiausaha Persatuan Sejarah.

**PBD** Kemahiran Menulis

Terdapat sebilangan masyarakat Melayu memakan sirih sebagai kudapan bersama-sama pinang, gambir, cengkih, kapur, dan tembakau. Pihak lelaki dan pihak perempuan menggunakan tepak sirih sebagai medium pembuka bicara dalam majlis merisik, memininang, dan perkahwinan. Mereka akan bertukar-tukar tepak sirih kemudian menjamah sirih sebelum menyatakan hasrat kedatangan. Daun sirih juga menjadi ramuan dalam perubatan. Contohnya, sirih digunakan untuk menghentikan pendarahan hidung, meredakan sakit gigi, gusi bengkak, mulut berbau, pening kepala, sakit sendi, luka, batuk, bisul, asma, dan lain-lain lagi. Kaum wanita menggunakan daun sirih untuk mengatasi masalah keputihan dan mencuci anggota dalaman.

**UNIT 23**

**Jasmani Cergas**

**PBD** Kemahiran Mendengar dan Bertutur

dapat menyihatkan badan. Hal ini demikian kerana, aktiviti ini dapat mengeluarkan peluh serta menyingkirkan toksin yang ada dalam tubuh. Selain itu, pengeluaran peluh dapat mengawal suhu badan kita dan menjadikan badan lebih sihat. Bukan itu sahaja, aktiviti ini juga meningkatkan kecergasan dan stamina. Aktiviti ini dapat menguatkan otot kaki selain menjadikan kita lebih cergas untuk melakukan kerja-kerja lain.; menikmati keindahan alam. Perasaan kagum akan keindahan alam tidak dapat kita nafikan apabila menjejakkan kaki di puncak sesebuah gunung. Penat lelah semasa mendaki seakan-akan hilang apabila kita dapat melihat pemandangan dari puncak gunung.; membolehkan kita menambah kenalan. Banyak kumpulan yang diasaskan untuk mengajar teknik-teknik mendaki kepada pendaki baharu.

**PBD** Aspek Tatabahasa

| Kata Berimbuhan Awalan | Kata Berimbuhan Akhiran |
|------------------------|-------------------------|
| menyangka              | ucapkan                 |
| berada                 | genggaman               |
| menyokong              | ceburi                  |
| bersyukur              | harapan                 |
| mencapai               | larian                  |

**UNIT 24**

**Cergas Aktif**

**PBD** Kemahiran Membaca

- berkobar-kobar – perasaan yang bergolag atau bergelora dengan amat sangat
- kategori – kumpulan besar berdasarkan ciri-ciri tertentu
- gelagat – tingkah laku atau gerak-geri
- terkial-kial – berbuat sesuatu dengan penuh upaya
- dipotong – dipintas
- berbisik – bercakap dengan suara yang perlahan
- gemuruh – berbunyi seperti guruh
- pusing – bersusah-susah memikirkan
- benakku – fikiranku
- teriakan – seruan dengan suara yang keras dan nyaring

**PBD** Kemahiran Menulis

Khairul Hafiz bin Jantan dilahirkan pada 22 Julai 1998 di Kampung Berangan Enam, Umbai, Melaka. Ketinggian beliau ialah 1.73 meter dan berat ialah 58 kilogram. Beliau anak kedua daripada tiga orang adik-beradik. Khairul belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Baru, Melaka dari tingkatan satu kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor dalam tingkatan enam. Jurulatihnya ialah Cikgu Mohd Poad bin Md. Kassim. Jurulatih ini banyak memberikan tunjuk ajar dalam acara balapan. Menurut beliau, kemenangan yang diperoleh merupakan hasil dorongan ibu bapa, ahli keluarga, guru-guru, dan rakan-rakan. Antara pencapaian tertinggi beliau ialah memenangi pingat emas larian 100 meter Sukan Malaysia (SUKMA) ke-18 pada tahun 2016 dengan catatan masa 10.18 saat dan memenangi pingat emas larian 100 meter Sukan SEA ke-29 pada tahun 2017 dengan catatan masa 10.38 saat. Kini, beliau digelar Raja Pecut Asia Tenggara. Beliau berharap agar terus memperoleh kejayaan demi mengharumkan nama negara.

**UNIT 25**

**Malaysia Hab Industri Makanan**

**PBD** Kemahiran Mendengar dan Bertutur


Kami sangat kagum apabila melihat festival makanan yang besar itu. Banyak khemah yang dijadikan gerai makanan. Khemah-khemah ini dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut negara. Antara negara yang menyertai festival ini ialah Thailand, Indonesia, Singapura, dan Brunei. Pelbagai makanan yang terkenal di negara masing-masing dijual di gerai-gerai yang disediakan.

Selain gerai makanan, terdapat juga ruang pameran. Ruang pameran ini membolehkan pempamer dari pelbagai negara memperkenalkan produk keluaran masing-masing. Berbagai-bagai produk yang dapat kami lihat. Pempamer-pempamer turut memberikan cenderamata berupa produk makanan kepada pengunjung.

Setelah penat melawat di sekitar tapak pameran dan gerai jualan, kami terus ke bahagian jualan makanan menggunakan trak makanan. Banyak trak makanan yang menyertai festival tersebut. Pengunjung yang datang turut tidak melepaskan peluang untuk membeli makanan kegemaran mereka di trak-trak makanan. Saya dan Amsyar turut tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan pulut mangga dan somtam dari sebuah trak makanan. Saya turut membeli aiskrim kelapa untuk kami berdua.

Selepas makan, kami bergerak ke perhentian bas yang berdekatan untuk pulang ke rumah. Pengalaman mengunjungi festival ini amat bermakna kepada kami berdua kerana dapat mengetahui makanan-makanan dari negara-negara jiran selain dapat mencuba makanan-makanan tersebut.

**PBD** Kemahiran Membaca



**UNIT 26** Usahawan Berwibawa

**PBD** Kemahiran Membaca

|                                                                                                                                                                                           |   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| Oleh sebab banyak murid yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran, maka mereka harus dilengkapi dengan kemahiran modal insan sejak kecil lagi.                                    | X |
| Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dirangka supaya setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak untuk mendapatkan kesamarataan peluang pendidikan.                        | ✓ |
| Tujuan program PIMA ditubuhkan adalah untuk mengatasi masalah keciciran murid-murid pada peringkat sekolah rendah.                                                                        | X |
| Program PIMA dapat melahirkan modal insan yang bersedia untuk menyertai pasaran kerjaya dan melahirkan usahawan yang mampu berdikari, bukan menganggur kerana menunggu peluang pekerjaan. | ✓ |

**PBD** Kemahiran Menulis

Jawapan murid

**UNIT 27** Menuju Puncak Jaya

**PBD** Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Dr. Lim Swee Tin berkhidmat sebagai guru sandaran di sebuah sekolah rendah. Kemudian, beliau menjadi guru di beberapa buah sekolah menengah dan seterusnya menjadi pensyarah di Universiti Putra Malaysia.; Selain bertugas sebagai guru, Dr. Lim Swee Tin ialah penulis. Hal ini dibuktikan dengan pelbagai anugerah dalam bidang penulisan yang dimenangi oleh beliau. Hadiah penulisan tersebut diiktiraf oleh pihak sama ada dari dalam atau luar negara.

**PBD** Aspek Tatabahasa

| Kesalahan Ayat                                                                             | Pembetulan                                                                                |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| Apakah yang sedang dibuat oleh kamu?                                                       | Apakah yang sedang kamu buat?                                                             |
| Apa tugas yang diberikan oleh Cikgu Melati?                                                | Apakah tugas yang diberikan oleh Cikgu Melati?                                            |
| Bolehkah saya membantu kamu.                                                               | Bolehkah saya membantu kamu?                                                              |
| Oh, begitu.                                                                                | Oh, begitu!                                                                               |
| Oleh kerana itu, kita perlu membaca bahan bacaan yang berkualiti supaya tidak ketinggalan. | Oleh sebab itu, kita perlu membaca bahan bacaan yang berkualiti supaya tidak ketinggalan. |

**UNIT 28** Pendidikan Bestari Negara Lestari

**PBD** Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Saya sering ke Pusat Sumber Sekolah untuk mengulang kaji pelajaran. Banyak buku yang boleh dijadikan rujukan terdapat di situ.; Murid biasa hanya boleh meminjam dua buah dalam masa seminggu manakala pengawas pusat sumber dan pengawas sekolah boleh meminjam tiga buah buku dalam masa seminggu.; Misi penubuhan Pusat Sumber Sekolah ini adalah untuk menjadikan pusat sumber ini sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat.

**PBD** Kemahiran Menulis

Kelab Doktor Muda telah ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah rendah. Ahli kelab ini menjadi pembimbing rakan sebaya supaya mengamalkan cara hidup yang sihat dan cergas. Selain itu, ahli kelab ini mestilah sihat, kemas, mempunyai personaliti yang menarik, memiliki sifat kepimpinan, bertanggungjawab, berpengaruh, suka menolong, dan cemerlang dalam akademik. Setiap ahli mestilah bertanggungjawab untuk melakukan aktiviti pemeriksaan kesihatan dan menjalankan ujian Indeks Jisim Badan rakan-rakan. Selain itu, Kelab Doktor Muda terlibat dalam program kesihatan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut mengiktiraf usaha-usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengaktifkan Kelab Doktor Muda di seluruh negara sebagai pemangkin untuk melahirkan generasi baharu yang sihat dan cergas.

**UNIT 29** Bahasa Disulam Sastera Dianyam

**PBD** Kemahiran Menulis

Bahasa merupakan wadah untuk berkomunikasi dengan orang lain. Bahasa juga menjadi alat penyebaran ilmu dan maklumat. Dalam mendepani era globalisasi ini, kemampuan menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan suatu kelebihan kepada seseorang.

Seseorang akan lebih berkeyakinan untuk bersemuka dengan sesiapa sahaja apabila menguasai banyak bahasa. Sebagai contoh, dengan menguasai bahasa Inggeris, seseorang boleh memberitahu pelancong tentang tempat-tempat menarik yang terdapat di negara kita. Hal ini membuatkan para pelancong berasa lebih dihargai malah tertarik untuk berkunjung ke negara kita lagi.



Negara kita mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Setiap kaum mempunyai bahasa ibunda tersendiri. Dengan menguasai pelbagai bahasa, kita mudah untuk berkomunikasi dengan kaum lain selain dapat mengeratkan hubungan kaum. Komunikasi akan lebih berkesan untuk bertukar fikiran serta maklumat antara satu sama lain.

Selain itu, penguasaan lebih daripada satu bahasa memudahkan kita memperoleh ilmu pengetahuan. Hal ini demikian kerana, pelbagai ilmu pengetahuan di dunia ini ditulis dalam pelbagai bahasa, khususnya bahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama dunia.

Akhir sekali, penguasaan lebih daripada satu bahasa memudahkan seseorang memperoleh peluang pekerjaan. Hal ini demikian kerana, pekerja yang mahir bertutur dalam pelbagai bahasa dianggap mempunyai kelebihan kerana mampu berkomunikasi dengan pelbagai pihak.

Kesimpulannya, penguasaan lebih daripada satu bahasa amat penting kepada seseorang bagi memperkasakan modal insan. Semua individu khususnya golongan murid perlulah merebut peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan kerana kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa akan memberikan nilai tambah.

UNIT  
30

## Merekayasa Bahasa

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pengumuman di atas menerangkan Karnival Bahasa Jiwa Bangsa bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Karnival ini akan diadakan pada 9 hingga 10 Oktober 2021, pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Karnival ini diadakan di Dewan Kompleks Sukan Balik Pulau, Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Antara reruai yang terdapat di karnival ini ialah Jualan Buku, Sudut Kreatif, Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan, dan Pameran Agensi Kerajaan. Banyak aktiviti menarik akan diadakan sepanjang karnival tersebut. Antaranya termasuklah Kuiz Bijak Bahasa dan Sastera, Roda Kata, Baca dengan Betul, Pertandingan Deklamasi Puisi, Ceritera Kanak-kanak Riang, Permainan Bahasa, Jejak Bahasa, dan Eja Tepat.

### PBD Kemahiran Membaca

1. Rangkap pertama sajak bermaksud maruah bahasa kebangsaan terletak pada kefasihan seseorang itu menggunakan bahasa.
2. Sajak ini terdiri daripada enam rangkap. Selain itu, sajak ini mempunyai dua hingga lima patah perkataan. Contohnya, 'bahasa bermaruah' terdiri daripada dua patah perkataan manakala 'tidak berbilang bahasa di lidah' mengandungi lima patah perkataan.
3. Pada pendapat saya, ibu bapa perlu menunjukkan minat yang mendalam terhadap usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Selain itu, ibu bapa perlu mengaplikasikan penggunaan bahasa kebangsaan ketika berkomunikasi dengan anak-anak semaksimum mungkin.

UNIT  
31

## Kerjaya Impian

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Apakah kerjaya impian kamu, Lydia?; Juruterbang merupakan kerjaya profesional dan berisiko tinggi. Saya gemar berdepan dengan cabaran untuk memandu kapal terbang di awan. Cara pengendalian kenderaan ini pastilah berbeza dengan memandu kenderaan lain.; Siapakah pula yang mempunyai cita-cita yang

sama dengan saya?; Kerjaya impian saya tidak sama dengan kamu kerana saya berminat untuk menyandang tugas sebagai wartawan. Tugas ini memerlukan saya berada di mana-mana sahaja untuk membuat liputan berita.

### PBD Kemahiran Membaca

- |                  |                                                                 |
|------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1. berikrar      | – berjanji akan mematuhi sesuatu                                |
| 2. ikhlas        | – hati suci, tidak menipu atau tidak berpura-pura               |
| 3. mudarat       | – yang berbahaya atau yang tidak berguna                        |
| 4. berikhtiar    | – berusaha atau berdaya upaya                                   |
| 5. perihal       | – hal dan keadaan sesuatu                                       |
| 6. bekerjasama   | – berbuat sesuatu bersama-sama atau dengan cara saling membantu |
| 7. kesejahteraan | – keselamatan atau kesenangan hidup                             |
| 8. jagaan        | – pengawasan atau kawalan                                       |

UNIT  
32

## Rentak Kejayaan

### PBD Kemahiran Membaca

1. Syarikat perfileman milik Datuk Yusof Haslam ialah Skop Productions dan jawatan yang disandangnya dalam syarikat tersebut ialah pengarah urusan.
2. Kebanyakan filem terbitan Datuk Yusof Haslam memaparkan masalah sosial dalam kalangan remaja dan masyarakat kota kerana beliau amat prihatin akan masalah tersebut dan ingin mendidik remaja agar menjauhi gejala sosial.
3. Pada pendapat saya, ciri-ciri usahawan yang berjaya ialah proaktif, berwawasan, berani mengambil risiko, dan berpandangan jauh.

### PBD Aspek Tatabahasa

1. kejar-mengejar/ saling mengejar
2. pelbagai sayur/ sayur-sayuran
3. Setiausaha-setiausaha
4. pelari-pelari/ semua pelari
5. ketua-ketua kelas
6. berbalas-balas
7. Para nelayan/ Nelayan-nelayan
8. mata-mata pelajaran
9. Semua anak
10. rumah-rumah pangsa

UNIT  
33

## Sempurnakan Diri

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kita perlu membongkokkan badan apabila berjalan di hadapan ibu bapa atau orang yang lebih tua untuk menunjukkan tanda hormat. Kita juga perlu mengucapkan terima kasih kepada ibu dan bapa setelah menerima wang saku dan bekalan makanan. Setelah itu, kita perlu bersalaman dengan ibu dan bapanya sebelum pergi ke sekolah untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Sampai sahaja di pintu pagar sekolah, kita seharusnya mengucapkan selamat pagi kepada pengawal keselamatan yang sedang bertugas kerana kita perlu menghormati orang yang lebih tua daripada kita. Kita boleh membantu guru menghantar buku latihan ke bilik guru kerana menolong guru amalan terpuji. Perilaku kita yang menghormati orang tua, penyayang, baik hati, dan rajin ini akan membuatkan kita disenangi oleh kawan-kawan dan guru.



## PBD Kemahiran Membaca

| Perkataan      | Makna                                    |
|----------------|------------------------------------------|
| 1. terlantar   | terbaring                                |
| 2. rapi        | teliti                                   |
| 3. realiti     | kenyataan; hakikat                       |
| 4. bergelumang | berlumur dengan kekotoran dan sebagainya |
| 5. ganjaran    | hadiah                                   |
| 6. menderita   | menanggung; mengalami                    |
| 7. ragam       | tingkah laku; cara                       |
| 8. ditangani   | dusahakan                                |
| 9. prosedur    | tatacara                                 |
| 10. klinikal   | rawatan perubatan                        |

## UNIT 34 Tonggak Sejahtera

### PBD Kemahiran Membaca

#### Perenggan 1

##### Idea utama:

Fenomena rasuah atau makan suap semakin meruncing dalam masyarakat.

##### Idea sampingan:

Gejala ini berlaku akibat sikap manusia yang tamak dan tidak pernah puas dengan apa-apa yang telah diperolehi.

#### Perenggan 2

##### Idea utama:

Masalah rasuah berpunca daripada sistem pentadbiran yang tidak sistematik.

##### Idea sampingan:

Kerenah birokrasi dalam pentadbiran yang begitu banyak telah menyebabkan banyak urusan tidak dapat diselesaikan dengan cepat.

#### Perenggan 3

##### Idea utama:

Gejala rasuah ini tidak ubah seperti duri dalam daging yang akan merebak menjadi barah.

##### Idea sampingan:

Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan kepada pemberi dan penerima rasuah hendaklah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

### PBD Kemahiran Menulis

#### Pendahuluan:

rasuah perbuatan keji – disebut sebagai tumbuk rusuk atau makan suap – sering dilakukan oleh individu yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab dalam pekerjaannya – perlu ditangani sepenuhnya kerana memberikan pelbagai kesan buruk terhadap masyarakat dan negara

#### Isi perenggan 1:

imej sesebuah organisasi tercemar – kewibawaan kakitangannya tercalar – orang ramai juga hilang kepercayaan terhadap organisasi tersebut

#### Isi perenggan 2:

rasuah menyebabkan penindasan berlaku – jurang antara orang kaya dengan orang miskin menjadi semakin luas – kadar kemiskinan penduduk meningkat

#### Isi perenggan 3:

negara akan muflis kerana kekurangan wang – kerajaan terpaksa berhutang dengan negara lain untuk melaksanakan projek pembangunan – memburukkan ekonomi negara dan kehidupan rakyat

#### Isi perenggan 4:

imej negara terjejas – pelabur asing tidak mahu menanam modal di negara ini – perniagaan mereka tidak menguntungkan malah mereka terpaksa terlibat dengan budaya rasuah

#### Kesimpulan:

pelbagai langkah perlu sentiasa dijalankan bagi mengatasi masalah rasuah – semua pihak harus memberikan kerjasama kepada kerajaan – gejala rasuah dapat dibasmi sepenuhnya

## UNIT 35 Dataran Merdeka

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

belunggu penjajahan; keramat pemimpinku; kaya dengan pembangunan; megah dengan kemajuan; negara berdaulat; satu persada

### PBD Kemahiran Membaca

1. inisiatif – daya usaha atau tindakan yang mula-mula
2. diterokai – dijalani; ditempuh; diharungi
3. berdaya saing – mempunyai kemampuan untuk bersaing
4. mempromosikan – melakukan promosi untuk sesuatu yang hendak dipasarkan
5. kualiti – keadaan sesuatu benda; buruk baik sesuatu
6. kuantiti – banyaknya; jumlah; bilangan
7. diimport – barang-barang dari luar negara dibawa masuk
8. modal – wang atau harta yang digunakan sebagai pokok untuk berniaga

## UNIT 36 Nilai Demokrasi

### PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur



1. Keluarga Hayati menghadapi masalah kewangan yang boleh menyekat Hayati daripada meneruskan pelajaran di sekolah. Selain itu, keluarga Hayati baru sahaja kematian ayahnya, Akhbar.
2. Persoalan yang pertama ialah berusaha untuk menyelesaikan masalah, iaitu Pak Mail meminta bantuan daripada Tuk Penghulu tentang masalah kewangan yang dihadapi keluarganya. Selain itu, terdapat persoalan ketabahan menghadapi dugaan hidup, iaitu keluarga Fauziah tabah menghadapi kehilangan ketua keluarga mereka, iaitu Akhbar.
3. Pada pendapat saya, pihak sekolah harus memberikan bantuan kewangan kepada Hayati seperti melalui pungutan derma. Selain itu, pihak sekolah harus memberikan kemudahan asrama secara percuma kepada murid yang tidak berkemampuan seperti Hayati.

## POWER PT3

### SISTEM BAHASA

#### Praktis 1 Kata Ganti Nama Diri

##### Bahagian A: Soalan Objektif

1. C    2. A    3. D    4. C    5. D

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. kita – kamu
2. beliau – baginda
3. mereka – kalian

#### Praktis 2 Kata Kerja

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. B    2. D    3. D    4. C

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. menghadiahi – menghadiahkan
2. mengcaj – mengecaj
3. memperkasa – memperkasakan

#### Praktis 3 Kata Adjektif

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. B    2. C    3. C    4. A

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. kembung – benjol/ bengkak
2. rindukan – rindu akan
3. luntur – kabur
4. tertinggi sekali – tertinggi/ tinggi sekali
5. baru – baharu

#### Praktis 4 Kata Hubung

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. B    2. C    3. A    4. D

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. lalu – sambil
2. untuk – supaya
3. sedangkan – walaupun
4. yang bahawa
5. dengan – dan

#### Praktis 5 Kata Tanya

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. C    2. A    3. B    4. C

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Bagaimana – Bagaimanakah
2. Apakah – Adakah
3. mengapakah – mengapa
4. Adakah – Apakah
5. manakah – bilakah

#### Praktis 6 Kata Seru dan Kata Perintah

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. B    2. D    3. D    4. C

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Tegahlah – Usahlah
2. Mintalah – Jemputlah
3. Wah – Eh
4. Aduh – Aduhai

#### Praktis 7 Kata Bantu

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. A    2. C    3. C  
4. B    5. A    6. C

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. masih sedang – masih belum
2. hendak – boleh
3. telah – hendak
4. masih – pernah

#### Praktis 8 Kata Sendi Nama

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. B    2. B    3. B    4. D

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Demi untuk – Demi/ Untuk
2. daripada – dari
3. dari – daripada

#### Praktis 9 Kata Bilangan

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. A    2. D    3. B    4. D

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. berguni – berguni-guni
2. setengah – sesetengah
3. berapa – beberapa
4. ketiga – ketiga-tiga

#### Praktis 10 Kata Majmuk

##### Bahagian A Soalan Objektif

1. C    2. C    3. A    4. B

##### Bahagian B Soalan Subjektif

1. reka cipta – reka bentuk
2. tengahari – tengah hari
3. mengemaskini – mengemas kini
4. Ketua Menteri-ketua Menteri – Ketua-ketua Menteri

### Praktis 11 Kata Ganda

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. D      2. C      3. B      4. C

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. lintang-pukang – punah-ranah
2. berdegap-degap – berdentam-dentum
3. dedahan – dedaun

### Praktis 12 Frasa

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. B      2. B      3. C      4. D      5. B

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Frasa Kerja
2. Frasa Sendi Nama
3. Frasa Adjektif
4. Frasa Nama
5. Frasa Sendi Nama

### Praktis 13 Ragam Ayat

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. B      2. D

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Rakyat diseru oleh kerajaan supaya berjimat cermat ketika berbelanja.
2. Semua buku latihan mesti kamu hantar ke bilik guru sebelum pulang.
3. Basikal baharu itu dihadiahkan oleh ayah kepada Aina bersempena dengan hari lahirnya.
4. Pelumba-pelumba haram yang berlumba pada malam itu telah ditahan oleh anggota polis dalam sekatan jalan raya.

### Praktis 14 Jenis-jenis Ayat

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. B      2. C

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. Ayat tanya
2. Ayat perintah
3. Ayat seruan
4. Ayat penyata
5. Ayat perintah
6. Ayat penyata

### Praktis 15 Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. C      2. D

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. (a) Sewaktu muda, ayah rajin belajar.  
(b) Sewaktu muda, ayah aktif dalam persatuan belia.
2. (a) Kamu hendak makan malam di restoran?  
(b) Kamu hendak makan malam di warung?
3. (a) Ibu muda itu memandang bayinya.  
(b) Ibu muda itu ketawa.
4. (a) Roslan berjanji.  
(b) Roslan tidak akan melakukan kesalahan itu lagi.

### Praktis 16 Pola Ayat Dasar

#### Bahagian Soalan Subjektif

1. FN + FK
2. FN + FS
3. FN + FA
4. FN + FN
5. FN + FS
6. FN + FK

### Praktis 17 Cakap Ajuk dan Cakap Pindah

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. C      2. C

#### Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Ayah bertanya kepada Amin tentang sebab dia lambat pulang.
2. Zarith memberitahu pekerjaanya supaya menghantar jambangan bunga itu kepada pelanggan tepat pukul 10.00 pagi.
3. Mak teh berkata kepada ibu bahawa anak bongsu ibu comel.
4. Kakak bertanya kepada ibu mentuanya tentang cara-cara untuk membuat kari ayam yang sedap.
5. Ganesh menegah abangnya daripada memanggilnya sebagai adik.
6. Rozainiza memberitahu adik-adiknya bahawa banyak faedah yang diperoleh jika mereka mengamalkan sikap suka membaca.

### Praktis 18 Peribahasa

#### Bahagian A Soalan Objektif

1. C      2. B

#### Bahagian B Soalan Subjektif

1. (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing  
(ii) Bagai aur dengan tebing
2. (i) Kacang lupakan kulit  
(ii) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

**POWER PT3**

### PEMAHAMAN

#### PEMAHAMAN TEKS

##### Praktis 1 Prosa Tradisional – Asal Padi

1. C      2. C      3. C      4. A      5. A

##### Praktis 2 Cerpen – Oren

1. A      2. C      3. D      4. C      5. D

##### Praktis 3 Cerpen – Hadiah

1. C      2. C      3. D      4. B      5. A

##### Praktis 4 Cerpen – Kuih Bakul Limau Mandarin

1. C      2. D      3. B      4. B      5. C

##### Praktis 5 Drama – Hadiah

1. D      2. A      3. A      4. D      5. B

##### Praktis 6 Pantun – Pantun Dua Kerat Nasihat

1. B      2. D      3. C      4. B      5. C

##### Praktis 7 Syair – Syair Pohon Buluh

1. D      2. D      3. A      4. A      5. B

**Praktis 8 Sajak – Kita Umpama Sehelai Daun**

1. D      2. D      3. B      4. C      5. D

**Praktis 9 Sajak – Kuingin Berterima Kasih**

1. B      2. C      3. C      4. D      5. D

**Praktis 10 Sajak – Aku**

1. D      2. C      3. A      4. B      5. C

**Praktis 11 Sajak – Kunci Bahasa**

1. D      2. B      3. B      4. D      5. B

**PEMAHAMAN PETIKAN****Praktis 1**

- penyakit santau, sihir, dan buatan orang  
– sengal-sengal badan
- dapat merawat sesetengah penyakit yang tidak dapat dirawat melalui perubatan moden  
– kos perubatan tradisional lebih murah berbanding dengan perubatan moden  
– hospital atau klinik terletak jauh dari tempat tinggal pesakit
- ubat-ubatan tradisional dilabelkan dengan maklumat yang lengkap  
– media massa menguar-uarkan khasiat ubat-ubatan tradisional  
– ubat-ubatan tradisional dijual di hospital dan di farmasi  
– diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan

**Praktis 2**

- mengisytiharkan tempat awam sebagai kawasan larangan merokok  
– pemilik premis makanan tidak menyediakan kemudahan untuk merokok  
– pemilik premis makanan memaparkan tanda larangan merokok
- mengganggu keselesaan pelanggan yang lain kerana asap rokok berbau busuk dan mencemarkan udara  
– membuang abu rokok di atas lantai kedai makan  
– membuang puntung rokok ke dalam pinggan selepas makan
- menghidap pelbagai penyakit seperti barah otak, barah paru-paru, sesak nafas  
– menjejaskan keterampilan diri seperti bibir hitam, muka cengkung, batuk-batuk  
– membazirkan wang kerana harga rokok sangat mahal

**Praktis 3**

- murid dapat menghargai guru-guru kesayangan mereka  
– murid-murid dan guru-guru melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang telah diatur  
– menghidupkan amalan menghormati guru
- terdiri daripada satu rangkap  
– dua baris yang pertama ialah pembayang manakala dua baris yang berikutnya ialah maksud
- sentiasa menghormati dan memberikan tumpuan semasa guru sedang mengajar  
– menjadi murid yang mendengar kata guru-guru

- menghadihkan kejayaan dalam pelajaran kepada guru-guru

**Praktis 4**

- kadar denyutan jantung dan tekanan darahnya meningkat  
– mengambil tindakan agresif atau mengeluarkan kata-kata yang kesat  
– dapat memutuskan hubungan kekeluargaan
- ibu yang sayang akan anaknya  
– tindakan bapa yang tidak menyelidik kebenaran tentang sesuatu perkara
- berfikir positif apabila berhadapan dengan situasi yang kritikal  
– mendengar muzik, iaitu lagu-lagu kegemaran yang menghiburkan  
– melakukan aktiviti riadah yang dapat menenangkan fikiran  
– mendirikan solat dan berdoa kepada Tuhan

**Praktis 5**

- tiada loghat yang direka-reka  
– tiada istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan  
– tidak menyinggung atau melukakan hati orang lain
- berhemah tinggi, iaitu bahasa bermaruah  
– pemurah, iaitu tidak lokek pada ummah
- ibu bapa memberikan ilmu agama kepada anak-anak  
– ibu bapa mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak  
– ibu bapa perlu mengawal tingkah laku anak-anak agar akhlak anak-anak mereka terpelihara

**NOVEL****Praktis 1****Pelari Muda**

- Encik Kadir seorang jurulatih yang bertanggungjawab dan selalu menasihati Kamarul serta bersusah payah mengambil Kamarul keluar dari hospital.
- Setiap pagi, selepas bersarapan secara berdisiplin Kamarul akan membaca akhbar tentang berita sukan terutamanya yang berkaitan dengan sukan olahraga.
- Cikgu Zainal seorang yang bertanggungjawab kerana mengingatkan Kamarul tentang peperiksaan SPM sudah hampir dan meminta Kamarul tidak mengabaikan pelajaran.

**Destinasi Impian**

- Johari, Firdaus, dan Azlina menyertai ekspedisi berbasikal.
- Azlina terasa amat letih setelah mengayuh basikal sejak pukul 7 pagi hingga 12 tengah hari.
- Azlina, Johari, dan Kasman merancang untuk mengelilingi Malaysia dengan berbasikal.

**Formula Termodinamik**

- Profesor Othman memberikan Formula Dua Hukum Populer dan menerangkan prinsipnya.
- Aswan berasa gembira kerana dia berjaya memperoleh pemacu pena yang mengandungi maklumat Dua Hukum Populer Termodinamik.
- Usamah menerangkan ilmu pertanian tentang penggunaan baja asli dan baja kimia yang dapat menghasilkan tanaman yang sihat.



### Sejambak Bakti

- Razali seorang anak muda yang berwawasan dan bercita-cita tinggi.
- Ahli lembaga koperasi mendapat dorongan dan semangat untuk memajukan koperasi sekolah setelah mendengar ucapan Penolong Pengarah Pembangunan Koperasi Encik Mansur.
- Cikgu Zulkifli dan Cikgu Syamsudin bersama-sama dengan murid berusaha untuk membangunkan koperasi sekolah mereka.

## Praktis 2

### Pelari Muda

- Kegigihan seorang atlet untuk meningkatkan prestasi – Sures berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan rekod masa lariannya supaya dia dapat menewaskan rekod masa Kamarul.
- Hubungan antara kawan baik – Hubungan Kamarul dengan Saridah sangat rapat. Ibu Kamarul juga menyayangi Saridah seperti anaknya. Mak Jah tidak mahu Kamarul bergaduh dengan Saridah.
- Tanggungjawab seorang jurulatih terhadap atletnya – Encik Kadir juga mengambil berat tentang prestasi atlet-atletnya yang lain seperti prestasi Suradi yang naik dan turun.

### Destinasi Impian

- Keprihatinan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan – Azlina telah merakamkan gambar papan tanda yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul dari segi ejaan dan struktur ayat.
- Keinginan untuk mengubah sikap abang – Azlina mahu mengubah sikap abangnya yang agak keperempuanan menjadi seorang lelaki yang sejati. Dengan itu, dia mencabar abangnya menyertai ekspedisi berbasikal itu.
- Sanggup menahapi cabaran – Melalui ekspedisi berbasikal itu, Azlina, Firdaus, dan Johari terpaksa menempuh pelbagai cabaran sehingga menimbulkan pelbagai konflik antara Azlina dengan Firdaus.

### Formula Termodinamik

- Sikap iri hati dalam diri – Aswan begitu iri hati terhadap Amir dan Usamah. Dia juga mahu mengubah suai mesin seperti yang dilakukan oleh Amir dan Usamah agar mendapat nama di hati orang kampung.
- Kegigihan melakukan inovasi – Amir dan Usamah begitu gigih menyiapkan mesin 2 dalam 1. Mereka mengubah suai mesin rumput agar boleh melakukan dua fungsi, iaitu memotong rumput dan membajak sawah.
- Kasih sayang seorang ibu – Intan begitu risau akan keselamatan Amir dan Usamah kerana tidak menghubunginya sejak mereka keluar pagi tadi.

### Sejambak Bakti

- Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya – Ibu Razali, Mak Sopiah amat menyayangi anaknya. Apabila suaminya, Pak Zakaria menghalau Razali, dia turut mengugut akan mengikut Razali keluar dari rumah. Mak Sopiah amat kenal akan anaknya. Dia tidak percaya akan kata-kata orang yang buruk tentang anaknya.
- Semangat kerjasama melakukan sesuatu – Ahli lembaga pengarah bekerjasama membersihkan tempat pemeliharaan ayam, mengemaskan kedai koperasi, dan bilik bacaan untuk Pertandingan Koperasi.
- Semangat tolong-menolong dalam mencapai suatu kejayaan – Razali sanggup menolong Munir dalam pelajarannya semasa Munir dalam tempoh gantung persekolahan. Dia akan

menerangkan pelajaran yang telah dipelajarinya di sekolah kepada Munir.

## Praktis 3

### Pelari Muda

- Kita hendaklah insaf akan kesalahan yang pernah kita lakukan – Contohnya, Kamarul insaf akan kesilapan dirinya yang menjadi sombong dan bersikap kasar terhadap jurulatih dan rakan-rakannya.
- Kita hendaklah simpati terhadap masalah yang dihadapi oleh kawan kita – Contohnya, Juriah bersimpati terhadap Saridah dengan mendengar segala rintihan dan kekecewaan Saridah dan menasihati Saridah agar bertenang.
- Kita haruslah prihatin terhadap orang bawahan kita – Contohnya, Encik Kadir seorang jurulatih yang prihatin dan selalu menasihati Kamarul serta bersusah payah mengambil Kamarul keluar dari hospital.

### Destinasi Impian

- Kita hendaklah cekal dalam menempuh cabaran hidup – Contohnya, Johari cekal berhadapan dengan pelbagai cabaran ketika ekspedisi berbasikal bersama-sama Azlina dan Firdaus.
- Kita perlu membaca untuk menambahkan pengetahuan – Contohnya, Johari banyak mempunyai pengetahuan kerana membaca dan dia boleh menerangkan bangunan bersejarah yang ditemukan semasa ekspedisi berbasikal.
- Kita mestilah sentiasa membantu orang yang berada dalam kesusahan – Contohnya, Johari membantu Azlina yang terjatuh dari basikalnya apabila mengelak lubang yang besar dan dalam.

### Formula Termodinamik

- Kita hendaklah menyayangi warga tua – Contohnya, Amir, Usamah, dan Asma sangat menyayangi nenek mereka. Mereka menjaga nenek mereka yang sedang sakit dan ditahan di hospital.
- Kita harus memaafkan kesalahan seseorang – Contohnya, Amir memaafkan segala kesalahan Aswan yang telah mengkhianatinya.
- Kita hendaklah sentiasa menghulurkan bantuan – Contohnya, Amir dan rakan-rakannya membantu anggota penyelamat mencari Aswan, Fikri, dan Majibon yang hilang ketika kampung mereka dilanda banjir.

### Sejambak Bakti

- Kita perlulah cekal dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran – Contohnya, Razali cekal berhadapan dengan pelbagai masalah yang diberikan oleh Munir dan rakan-rakannya kerana cemburu.
- Sebagai satu pasukan, kita haruslah sentiasa bekerjasama untuk mencapai kejayaan – Contohnya, Cikgu Zulkifli, Cikgu Robeah, Razali, Ramlah, dan ahli lembaga pengarah yang lain bekerjasama untuk memajukan koperasi sekolah.
- Kita hendaklah menjalankan sesuatu tugas yang diamanahkan kepada kita dengan penuh rasa tanggungjawab – Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

## Praktis 4

### Pelari Muda

- Di rumah Kamarul – Kamarul, Mak Jah, dan ayahnya tinggal bersama-sama. Rumah ini juga sentiasa dikunjungi oleh Saridah.
- Di sekolah – Kamarul, Saridah, Juriah, Sures, dan lain-lain belajar di sekolah yang sama.

- Di hospital – Kamarul terlantar sakit akibat kemalangan. Banyak yang menziarahinya walaupun dikatakan sombong. Di sini jugalah Kamarul sedar akan kesalahannya.

#### Destinasi Impian

- Gerai air tebu – Azlina berhenti rehat sambil minum air tebu sementara menanti Firdaus dan Johari tiba.
- Tepi jalan – Azlina mengelak lubang yang besar dan dalam lalu tercampak ke tanah merah di tepi jalan.
- Tapak perkhemahan – Kawan-kawan Firdaus mendirikan khemah di tepi pantai di Pantai Morib bagi menyambut ketibaan Firdaus.

#### Formula Termodinamik

- Di Kampung Warisan, Papar, Sabah – di kampung ini Amir, Usamah, Aswan, Fitri, dan Majibon dilahirkan dan dibesarkan.
- Di bilik pembedahan – nenek Amir menjalani pembedahan kecil di buku lalinya.
- Di dalam bilik – tempat Amir menghadap komputer dan berkomunikasi dengan Profesor Othman di skrin komputer.

#### Sejambak Bakti

- Di Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan – di sini tempat Razali dan rakan-rakannya belajar.
- Di Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan – di sini, ahli lembaga pengarah melakukan tugas melayani pembeli-pembeli sambil dibantu oleh pembantu kedai.
- Di rumah Razali – Rozita, Ramlah, dan Saridevi datang ke rumah Razali untuk belajar.

#### Praktis 5

##### Pelari Muda

Nilai keinsafan

Dua peristiwa lain:

- Kamarul mula sedar akan kesilapannya dan kembali berlatih secara berdisiplin.
- Kamarul insaf akan kesilapan menjauhkan diri daripada rakan-rakannya seperti Saridah, Sures, dan lain-lain apabila mereka datang melawat Kamarul yang terlantar di hospital.

#### Sejambak Bakti

Nilai ketabahan

Dua peristiwa lain:

- Razali tabah menghadapi dugaan ketika dia dipukul oleh Leong dan Silvam.
- Razali tabah ketika dia dihalau oleh ayah tirinya.

#### Formula Termodinamik

Nilai bantu-membantu

Dua peristiwa lain:

- Amir membantu nenek dengan memberikan bantuan pernafasan kepada nenek yang pengsan di dalam paya.
- Amir membantu Usamah mengubah suai mesin rumput.

#### Destinasi Impian

Nilai keberanian

Dua peristiwa lain:

- Firdaus berani mempertahankan hujahnya dengan mengatakan bahawa penyanyi juga penting sama seperti ahli sukan kerana ada penyanyi yang menyanyikan lagu patriotik.
- Firdaus memberanikan diri untuk membantu Mazlinda yang hampir lemas akibat dipukul ombak.

### PEMINDAHAN MAKLUMAT

#### Praktis 1

Graf menunjukkan jumlah kanak-kanak yang hilang mulai tahun 2011 hingga tahun 2015. Jumlah kehilangan kanak-kanak setiap tahun adalah tinggi. Hal ini membimbangkan ibu bapa tentang keselamatan anak-anak mereka. Kebiasaannya, kanak-kanak diculik semasa mereka pulang dari sekolah atau bersendirian di taman-taman permainan. Tahun 2012 mencatatkan kes kehilangan kanak-kanak yang paling banyak, iaitu 2193 orang, diikuti tahun 2013 sebanyak 2054 orang dan tahun 2014 sebanyak 2015 orang. Kehilangan kanak-kanak ini mendatangkan kesan yang buruk terhadap keluarga dan diri kanak-kanak itu sendiri. Konklusinya, ibu bapa perlu mengawasi anak-anak agar tidak menjadi mangsa penculikan atau kehilangan anak-anak.

#### Praktis 2

Kebakaran ialah tragedi tidak diundang yang dapat merosakkan harta benda dan meragut nyawa. Pemilik-pemilik rumah dinasihatkan supaya sentiasa memeriksa penyambung dan saluran paip gas memasak bagi mengelakkan kebakaran ini daripada berlaku. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kebakaran rumah berlaku disebabkan oleh paip gas yang bocor dan kelalaian manusia itu sendiri. Selain itu, pendawaian elektrik hendaklah diperiksa dari semasa ke semasa dan menukarkan pendawaian yang baharu setiap sepuluh tahun. Seterusnya, simpan mancis atau pemetik api di tempat yang tinggi supaya tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak. Api semasa kecil menjadi kawan dan apabila besar akan menjadi lawan. Tuntasnya, sikap berwaspada dan berhati-hati dapat mencegah kebakaran daripada berlaku.

#### Praktis 3

Malaysia banyak mempunyai destinasi pelancongan yang menarik seperti Pulau Langkawi. Para pelancong boleh ke Pulau Langkawi melalui pengangkutan air, udara, dan laut. Hal ini demikian kerana, Pulau Langkawi ialah sebuah pulau bebas cukai yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Pelbagai tempat menarik yang boleh dikunjungi, antaranya ialah Pantai Cenang, Makam Mahsuri, Laman Padi, dan Padang Mat Sirat. Para pelancong boleh bergerak ke merata-rata tempat dengan kenderaan sewa pandu sendiri dan pengangkutan awam yang disediakan. Selain itu, kemudahan hotel, chalet, dan inap desa disediakan kepada pelancong yang ingin bermalam di sana dengan pakej dan harga yang berpatutan. Ironinya, para pelancong akan memilih Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian mereka setiap masa.

#### Praktis 4

Karnival Pendidikan Tinggi Negara diadakan pada peringkat negeri Pulau Pinang pada 6 hingga 7 Mac 2021 yang bertujuan untuk memudahkan pelajar membuat pilihan yang tepat bagi melanjutkan pelajaran. Pelbagai kemudahan disediakan seperti biasiswa dan pinjaman kewangan diberikan kepada pelajar yang layak. Hal ini akan mengurangkan beban kos pengajian yang terpaksa ditanggung oleh seseorang mahasiswa. Seterusnya, kebanyakan pengajian ditawarkan oleh universiti awam dan universiti swasta di dalam negara. Pelbagai program pengajian ditawarkan sesuai dengan keperluan masa hadapan bagi memudahkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian nanti. Ironinya, pelajar boleh mendapatkan khidmat nasihat yang disediakan agar mereka dapat memilih jurusan yang sesuai dengan kelulusan dan bakat mereka.

### Praktis 5

Banyak cara yang boleh diambil untuk menangani pencemaran alam sekitar. Antaranya termasuklah menempatkan kawasan perkilangan secara lebih teratur. Selain itu, kilang-kilang yang dibuka hendaklah jauh dari kawasan perumahan. Seterusnya, kemahiran merawat sisa-sisa toksik dengan kaedah sains dan teknologi amat perlu. Undang-undang sedia ada perlu dikaji dan dipinda agar sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa. Dalam pada itu, kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar perlu dipupuk bagi memastikan alam sekitar kekal terpelihara. Akhir sekali, orang ramai perlu mengelakkan pembakaran sampah secara terbuka.

### Praktis 6

Amalan rasuah di sesebuah negara perlu ditangani kerana banyak memberikan kesan buruk kepada negara. Amalan rasuah dapat mencemarkan imej negara dan rakyatnya. Selain itu, amalan ini memberikan kesan buruk terhadap sistem pentadbiran negara. Amalan rasuah juga dapat menjejaskan keyakinan orang ramai, khususnya pelabur asing terhadap kecekapan dan keberkesanan sistem perundangan serta birokrasi negara. Seterusnya, sesuatu organisasi yang mengamalkan rasuah akan hilang integriti dan kepercayaan orang ramai. Akhir sekali, amalan rasuah menyebabkan seseorang boleh dikenakan tindakan undang-undang dan akan kehilangan pekerjaan.

### Praktis 7

Banyak dalam kalangan remaja kini yang berhutang. Hal ini berpunca daripada sikap gemar berbelanja lebih-lebih. Mereka menggunakan kad kredit untuk membeli pakaian yang berjenama dan mahal. Selain itu, mereka berbelanja tanpa mengukur kemampuan kewangan diri sendiri sehingga menyebabkan muflis. Hal ini membuktikan bahawa mereka masih lemah dalam pengurusan kewangan. Remaja akan berhutang sebaik-baik sahaja melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi apabila meminjam wang daripada tabung pendidikan. Lebih malang lagi, mereka yang menganggur gagal untuk membayar hutang pinjaman pendidikan. Ironinya, kegagalan menguruskan kewangan yang baik akan memberikan kesan buruk dalam jangka masa panjang terhadap kehidupan seseorang remaja.

### Praktis 8

Petikan membincangkan punca-punca penyakit mental. Antara puncanya ialah tekanan hidup yang semakin mencabar. Selain itu, bebanan kerja yang banyak perlu disiapkan dalam masa yang singkat menekan pekerja. Dalam pada itu, kelemahan pengurusan organisasi menyebabkan prestasi kerja merosot. Seterusnya, hubungan sesama rakan sekerja yang kurang erat, tiada kesantunan, dan hilang sikap saling membantu menjadikan anggota dalam sesebuah organisasi berada dalam konflik. Di samping itu, kurangnya sokongan daripada pihak atasan yang menjadikan situasi tempat kerja tidak menyeronokkan. Terdapat majikan yang menafikan hak pekerja untuk mendapatkan layanan yang baik dan perikemanusiaan. Tuntasnya, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mengekang masalah tekanan dan stres ini daripada berleluasa.

### Praktis 9

Petikan membincangkan sebab-sebab berlakunya keracunan makanan. Antaranya seperti penyedia makanan yang tidak menjaga kebersihan makanan, termasuklah mengamalkan tabiat kotor seperti batuk atau meludah berhampiran makanan. Selain itu, penggunaan racun serangga yang tidak dikawal menyebabkan sayur-sayuran dan buah-buahan dapat mengakibatkan keracunan

makanan. Bahan-bahan mentah yang belum dimasak yang terdedah kepada vektor pembawa penyakit seperti lipas dan lalat juga menyumbang kepada keracunan makanan. Penggunaan bahan pewarna dan bahan perasa yang berlebihan juga akan mengganggu kesihatan. Ironinya, sikap pengendali makanan yang tidak menghiraukan kebersihan dapur dan persekitaran akan mengundang padah. Pemeriksaan mengejut oleh pihak yang bertanggungjawab dan tindakan undang-undang akan dikenakan bagi menyedarkan pemilik premis makanan yang bersikap sambalewa ini.

### Praktis 10

Petikan membincangkan pencemaran alam sekitar mendatangkan implikasi buruk. Pencemaran akan memberikan kesan kepada perubahan cuaca dan kesuburan tanah yang dapat menjejaskan aktiviti pertanian. Selain itu, pembuangan bahan-bahan tercemar dapat mengancam habitat haiwan menyebabkan kepupusan haiwan. Di samping itu, penipisan lapisan ozon juga disebabkan oleh pencemaran udara. Sinaran ultralembayung yang sampai ke bumi memberikan kesan kepada manusia. Kecairan ais di kutub utara dan kutub selatan menyumbang kepada peningkatan aras laut yang akan menenggelamkan kawasan petempatan yang rendah. Fenomena banjir besar yang berlaku mengakibatkan kehilangan banyak nyawa. Tuntasnya, kesejahteraan alam sekitar dapat menjamin kehidupan yang lebih selesa.

## POWER PT3

### PENULISAN

#### KARANGAN RESPONS TERHAD

### Praktis 1

Namaku Lenuva. Aku dipasang di sebuah kilang di Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech. Aku sebuah komputer riba berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi moden.

Aku dan rakan-rakan dipamerkan di sebuah ruang di pasar raya bertaraf lima bintang. Aku dan rakan-rakan dibeli oleh sebuah syarikat besar. Aku mendapat tuan yang baik hati dan diletakkan di sebuah bilik berhawa dingin. Setiap hari aku membantu pekerja di situ menguruskan kewangan syarikat. Aku memang bijak kerana dapat menyelesaikan banyak perkara tentang kewangan dengan cepat dan pantas. Aku berkhidmat kepadanya tanpa jemu.

Setelah berkhidmat selama lima tahun, syarikat itu ingin menjual aku kepada pekerjaanya. Aku dibeli oleh tuan baharuku. Aku digunakan dengan baik.

### Praktis 2

Saya dan rakan-rakan berpeluang untuk melawat ke pameran buku yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kami berkumpul di sekolah pada pukul 8.00 pagi. Cikgu Hisyam memberikan taklimat sebelum bas kami bertolak. Kami tiba di pusat pameran pada pukul 10.30 pagi. Pelbagai bahan bacaan dijual seperti majalah, buku cerita, buku agama, dan sebagainya. Pameran buku ini disertai oleh banyak syarikat penerbitan. Buku dijual dengan harga yang murah kerana terdapat potongan harga sehingga 70 peratus. Banyak orang yang datang untuk membeli buku di sini.

Saya membeli beberapa buah buku dan majalah. Setelah selesai membeli-belah, kami pun bertolak pulang.

### Praktis 3

Senaman merupakan aktiviti riadah yang baik untuk kesihatan. Bagi mengelakkan kecederaan, bersenam perlu dilakukan dengan langkah-langkah tertentu.

Senaman dimulakan dengan pemanasan badan selama lima hingga sepuluh minit. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti berlari setempat atau berlari perlahan-lahan. Seterusnya, senaman diteruskan dengan aktiviti regangan untuk semua sendi dan otot badan dari kepala hingga kaki. Gerakan ini dilakukan secara perlahan-lahan. Aktiviti regangan ini sebagai persediaan untuk jantung, paru-paru, otot, dan sendi sendiri menerima tekanan semasa bersenam nanti.

Selepas memanaskan badan, aktiviti senaman boleh dilakukan seberapa lama yang diinginkan. Senaman diakhiri secara perlahan-lahan hingga selesai.

### Praktis 4

Aku sepasang kasut yang berjenama Vans. Aku dibuat daripada kanvas dan berasal dari sebuah kilang yang terkenal.

Aku dan rakan-rakan disimpan di sebuah stor yang gelap sebelum dijual di sebuah pasar raya. Aku dibeli oleh seorang lelaki untuk diberikan kepada anaknya. Setiap hari, aku dipakai oleh tuanku sebelum ke sekolah. Aku menjaga kaki tuanku daripada kotor. Setiap minggu, aku dimandikan menyebabkan wajahku sentiasa bersih dan berseri-seri. Badanku dijemur di tengah panas sehingga kering.

Aku semakin lusuh dan akhirnya tidak digunakan lagi setelah tuanku mendapat kasut baharu. Aku disimpan di sebuah stor di rumah tuanku.

### Praktis 5

Pada cuti penggal sekolah yang lepas, kami sekeluarga bercadang untuk pulang ke kampung kerana ingin menziarahi nenek.

Saya bangun seawal 5.30 pagi kerana hendak membantu ibu memasak untuk sarapan dan bekalan dalam perjalanan nanti. Rumah nenek terletak jauh di utara tanah air. Kami bertolak pada pukul 9.00 pagi. Kami tiba di rumah nenek sewaktu hari hampir malam. Kami disambut oleh nenek dan berbual-bual sebelum tidur kerana keletihan. Keesokan hari, saya dan nenek ke kebun untuk melihat pelbagai jenis sayur dan buah yang ditanam oleh nenek. Nenek menjual hasil tanaman kepada peraih di pekan yang berhampiran.

Kami juga berkesempatan untuk menziarahi saudara-mara di kampung sebelum bertolak pulang ke bandar pada waktu petang.

## KARANGAN RESPONS TERBUKA

### Praktis 1

#### 1. Pendahuluan:

alamat pengirim dan penerima mengikut format surat rasmi – tarikh surat dan tajuk surat – permohonan mengadakan lawatan sambil belajar ke Kilang Perusahaan Batik

#### Isi-isi penting:

- kata menghadap surat – menjelaskan butiran lawatan – jumlah murid dan guru yang terlibat – murid elektif pendidikan seni – tarikh – hari dan masa
- tujuan lawatan untuk menambahkan ilmu pengetahuan – mengetahui cara-cara batik diproses – mengetahui secara langsung – sebelum ini belajar secara teori melalui buku-buku dan ilmu yang diajarkan oleh guru
- menyiapkan kerja kursus berkaitan dengan batik – memupuk minat terhadap seni kraf tangan tempatan

dalam kalangan murid – memajukan seni batik tanah air – langkah permulaan menceburkan diri dalam bidang pembuatan batik

- berharap agar pihak pengurusan kilang bersetuju untuk menerima lawatan ini – memberikan jawapan atau maklum balas dengan segera

#### Penutup:

mengucapkan terima kasih – tandatangan, nama, dan jawatan

#### 2. Pendahuluan:

kraf tangan ialah hasil kerja tangan – seni yang unik dan bernilai tinggi – melibatkan seni ukiran, anyaman, dan sulaman – seni turun-temurun dari generasi silam – beroperasi secara kecil-kecilan

#### Isi-isi penting:

- penting sebagai warisan negara yang tinggi nilai – lambang kesenian sesuatu bangsa – milik khusus – lambang adat dan budaya – kebanggaan sesuatu kaum atau bangsa – batik ialah lambang Malaysia di luar negara
- sebagai sumber pendapatan – hasil seni kraf tangan dijual – perusahaan dikomersialkan – pengeluaran produk semakin banyak – suntikan dana daripada kerajaan dan pihak bank – memenuhi permintaan tempatan dan luar negara
- kepentingan dalam sektor pelancongan – cenderamata sebagai kenang-kenangan – hadiah kepada rakan-rakan hasil lawatan ke sesuatu tempat di Malaysia – premis-premis kraf tangan dibuka di lokasi-lokasi pelancongan
- peluang pekerjaan – industri kraf tangan berkembang pesat – sokongan teknologi pembuatan dan pemasaran – banyak remaja menceburi bidang ini – kurang persaingan – masalah pengangguran dapat dikurangkan

#### Penutup:

industri kraf tangan berupaya untuk menjana pendapatan negara – pelbagai promosi giat dijalankan bersama-sama pakej pelancongan – kursus kemahiran ditawarkan di pusat-pusat pengajian tinggi – peringkat diploma dan ijazah – industri kraf tangan terus maju pada masa akan datang

#### 3. Pendahuluan:

Tulis tajuk rencana “Industri Kraf Tangan di Malaysia” – tulis nama penulis

#### Isi-isi penting:

- industri kraf tangan semakin mendapat tempat dalam kalangan pengusaha-pengusaha di negara ini – permintaan yang tinggi – peluang menjana pendapatan yang lumayan – industri tumbuh bagai cendawan selepas hujan
- bantuan modal daripada pihak kerajaan melalui pinjaman jangka pendek dan jangka panjang – pinjaman daripada pihak bank – kadar bayaran yang fleksibel – industri kraf tangan berkembang maju
- peralatan moden membantu pengeluaran jumlah produk yang banyak – dapat memenuhi permintaan – kos pengeluaran yang rendah – bahan-bahan mentah yang mudah diperoleh – pasaran yang sedia ada
- ditawarkan pelbagai kursus kemahiran kraf tangan – kolej dan universiti tempatan – tenaga kerja mahir mudah diperoleh – menarik minat golongan remaja

#### Penutup:

industri kraf tangan berpotensi untuk maju – persaingan yang kurang – produk dieksport ke luar negara – harga produk semakin meningkat – menjamin pendapatan yang lumayan – pelibatan pihak kerajaan dan swasta menjadikan industri kraf tangan ini terus maju



**LISAN BERTUTUR****Praktis 1****Kepentingan Komputer**

- (a) alat untuk mendapatkan maklumat – mencari pelbagai maklumat yang berkaitan dengan pelajaran – akses Internet pada komputer membolehkan semua maklumat diperolehi dengan mudah – maklumat berada di hujung jari – enjin carian Yahoo dan Google memudahkan murid menyiapkan kerja kursus mereka – bahan rujukan boleh diakses daripada Internet
- (b) memudahkan tugas harian kita – kerja-kerja seperti menaip, menyiapkan laporan, dan sebagainya dilakukan dengan bantuan komputer – semua tugas dapat disiapkan dengan lebih cepat dan sistematik – membantu murid-murid menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh guru
- (c) menyimpan segala maklumat yang penting – memudahkan kita dengan hanya perlu mengimbas segala sijil dan surat yang penting ke dalam komputer dan disimpan secara selamat – segala maklumat disimpan dengan lebih sistematik
- (d) sesi pengajaran dan pembelajaran murid akan lebih menarik – bantuan grafik yang berkesan dapat menarik minat murid untuk belajar – sebelum ini murid hanya terdedah dengan teknik menulis pada papan kapur yang membosankan – pemahaman murid tentang pelajaran mereka akan lebih berkesan

**Praktis 2****Permainan Tradisional**

- (a) warisan budaya Malaysia yang berharga – warisan nenek moyang kita yang melambangkan adat, budaya, dan identiti sesuatu bangsa – memastikan generasi muda mengenali budaya warisan mereka – mereka tidak hanya berbangga dengan permainan moden – penting dikekalkan kerana merupakan warisan turun-temurun
- (b) sebagai alat hiburan untuk mengisi masa lapang – permainan ini menyeronokkan dan kebiasaannya dimainkan secara berkumpulan – dapat mengurangkan stres – dapat menyihatkan badan
- (c) memupuk perpaduan – permainan tradisional biasanya dimainkan secara berkumpulan, iaitu melibatkan beberapa orang – hubungan silaturahim dapat dieratkan sekali gus memupuk perpaduan ekor dari penglibatan individu-individu yang berlainan kaum
- (d) sebagai produk pelancongan yang menguntungkan negara – pelancong luar yang datang ke negara kita ingin melihat keunikan budaya warisan di Malaysia – menambahkan aliran masuk mata wang asing ke dalam negara – membawa perubahan yang signifikan dalam sektor pelancongan di Malaysia

**Praktis 3****Kepentingan Ilmu dalam Kehidupan**

- (a) membolehkan kita memperoleh peluang kerjaya yang lebih baik – peluang kerjaya lebih terbuka – mampu untuk menjawat jawatan yang lebih besar – cita-cita mudah dicapai jika kita mempunyai ilmu – kerjaya profesional seperti doktor, jurutera, juruterbang, dan sebagainya memerlukan ilmu yang

khusus

- (b) boleh berkhidmat untuk negara – ilmu yang dimiliki dapat memajukan diri selain dapat menyumbangkan tenaga untuk membangunkan agama, bangsa, dan negara – boleh memberikan kesedaran kepada orang lain – mendidik masyarakat supaya menjadi lebih baik – menyumbangkan idea untuk pembangunan negara
- (c) disanjung tinggi oleh masyarakat – orang yang berilmu akan dihormati dan disanjung oleh masyarakat – khidmat mereka boleh digunakan untuk kepentingan umum – masyarakat akan menghargai jasa-jasa orang yang berilmu – mereka telah berjaya memberikan perkhidmatan yang diperlukan
- (d) tidak mudah dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab – tidak mudah memberikan harta sama ada dalam bentuk barangan atau wang tunai semata-mata – masyarakat yang berilmu akan berfikir panjang dan tidak mudah terpedaya

**Praktis 4****Sambutan Hari Kebangsaan**

- (a) dapat mengenang jasa tokoh yang telah berkorban demi mencapai kemerdekaan untuk tanah air – pejuang rela berputih tulang daripada berputih mata melihat tanah air tempat tumpah darah mereka dijajah oleh kuasa asing – sanggup menggadaikan nyawa demi membayar harga sebuah kemerdekaan
- (b) dapat mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia – generasi muda masa ini semakin hilang jati diri – gemar mengagungkan budaya Barat yang amat bertentangan dengan norma masyarakat Timur – sambutan Hari Kebangsaan dapat menyedarkan golongan muda tentang pentingnya mempunyai jati diri yang kukuh
- (c) dapat mengekalkan perpaduan antara kaum di negara kita – negara yang harmoni dan sejahtera hanya akan dapat dibentuk jika rakyat bersatu padu, bekerjasama, dan bertoleransi – berkumpul bagi meraikan hari kemerdekaan negara yang kita cintai ini – sambutan hari kemerdekaan dapat mengekalkan perpaduan antara kaum
- (d) imej negara kita akan turut meningkat – negara-negara asing akan mengenali Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, harmoni, dan sejahtera – lebih banyak pelancong asing ingin berkunjung ke negara kita – lebih banyak pelabur asing ingin melabur di negara kita

**Praktis 4****Punca-punca Kemusnahan Alam Sekitar**

- (a) sikap masyarakat juga boleh menyebabkan kemusnahan alam sekitar berlaku – kebanyakan ahli masyarakat menganggap sungai sebagai tempat untuk membuang sampah dan tempat untuk menyalurkan air yang kotor atau sisa kumbahan dari rumah – tidak mahu membersihkan sungai yang dipenuhi rumput, timbunan lumpur atau timbunan sampah – sungai menjadi semakin cetek dan kotor hingga boleh menyebabkan banjir kilat apabila hujan turun dengan lebat dan berterusan
- (b) kegiatan pertanian yang menggunakan baja kimia secara berlebihan – penggunaan baja kimia dan secara berlebihan mempercepat pengeluaran hasil pertanian tetapi tidak mengekalkan kesuburan tanah – tidak menggalakan kehidupan organisma dalam tanah – penggunaan jangka panjang baja kimia akan menyebabkan kerosakan kepada tanah
- (c) penebangan pokok-pokok secara berleluasa – penukaran tanah daripada hutan kepada pertanian telah mengakibatkan



penebangan hutan secara meluas – mengurangkan jumlah hutan asal dan biodiversiti hutan – berlakunya hakisan tanah dan seterusnya menyebabkan kejadian tanah runtuh

- (d) asap-asap kilang dan kenderaan menyebabkan pencemaran udara – terdapat juga gas-gas yang beracun seperti gas monoksida yang boleh membunuh sekiranya terkumpul dalam kawasan tertutup – pencemaran udara mengakibatkan penipisan lapisan ozon, jerebu, hujan asid, dan pemanasan bumi – memberikan kesan terhadap kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan manusia ataupun harta benda

**Praktis 6**

**Sukan sebagai Alat Perpaduan**

- (a) bermula dari peringkat sekolah – dalam kejohanan sukan tahunan sekolah, murid-murid dibahagikan kepada empat atau lima kumpulan besar atau dipanggil “rumah sukan” – setiap ahli berpeluang untuk mengambil bahagian dan mewakili rumah sukan masing-masing – tiada acara sukan yang dipertandingkan mengikut kaum atau agama masing-masing – setiap ahli bersorak dan menyokong atlet-atlet rumah sukan masing-masing tanpa mengira bangsa mereka
- (b) peranan persatuan belia setempat – persatuan belia antara kaum ini perlu memfokuskan perpaduan kaum belia di Malaysia, antaranya dengan menganjurkan pelbagai acara sukan dengan penglibatan semua kaum di Malaysia – peranan Majlis Belia Malaysia serta Kementerian Belia dan Sukan amat penting untuk mengawal dan menyelaras perjalanan persatuan belia di Malaysia agar perpaduan akan segar dan tersemat dalam kalangan remaja Malaysia
- (c) peranan dan kerjasama badan-badan sukan – melibatkan badan kerajaan atau badan bukan kerajaan, contohnya antara pegawai kejohanan sukan seperti Majlis Sukan Negara (MSN) – berfungsi sebagai peneraju sukan prestasi tinggi terunggul ke arah melahirkan lebih ramai atlet bertaraf antarabangsa – banyak atlet negara yang berbakat dapat dilahirkan melalui SUKMA tanpa mengira kaum kerana pemilihan atlet berdasarkan kemahiran dan kebolehan mereka dalam bersukan
- (d) peranan atlet dalam pertandingan peringkat antarabangsa – atlet biasanya akan dikumpulkan dan saling berkerjasama semasa menerima latihan pusat sebagai persiapan mewakili negara – setiap lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum memberikan sokongan kepada pasukan negara – kepelbagaian kaum di Malaysia menyertai acara sukan sudah pasti situasi pengukuhan kaum semakin erat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat semakin utuh

**Praktis 7**

**Kebaikan Menyertai Aktiviti Kokurikulum**

- (a) dapat mengisi masa lapang – individu yang mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah tidak akan terlibat dengan gejala sosial – sentiasa sibuk dengan aktiviti di sekolah – jika mereka aktif dalam bidang sukan, mereka akan berlatih setiap petang – masa lapang mereka terisi sepenuhnya
- (b) dapat melatih murid untuk menjadi pemimpin – ada berbagai-bagai jawatan dalam persatuan – jawatan pengerusi, setiausaha, bendahari, ahli jawatankuasa, dan ahli biasa – murid yang memegang jawatan pengerusi akan belajar tentang cara-cara untuk menjadi ketua – begitu juga dengan jawatan-jawatan yang lain
- (c) dapat membentuk disiplin diri – disiplin sangat penting untuk mencapai kejayaan – murid yang tidak berdisiplin susah untuk berjaya – apabila hendak menjalani latihan sukan, kita mesti menepati masa – jika terlewat, kita akan ketinggalan

dan rugi

- (d) badan kita menjadi sihat apabila menyertai kegiatan kokurikulum – penyertaan sebagai ahli kelab sukan seperti pasukan bola sepak atau pasukan bola tampar – latihan sukan yang dijalani dapat menjadikan kita lebih cergas – badan akan mengeluarkan peluh – membuang toksin daripada badan – kita juga tidak akan mudah sakit
- (e) mengukuhkan perpaduan – setiap persatuan dan kelab ada banyak ahlinya – ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum – ada yang berbangsa Melayu, Cina, India, dan lain-lain – melalui aktiviti yang dijalankan, semua ahli akan berkumpul – mereka boleh berbincang untuk bertukar-tukar pendapat – mengeratkan hubungan sesama mereka lagi

**Praktis 8**

**Cara-cara Membalas Jasa Ibu Bapa**

- (a) belajar dengan bersungguh-sungguh – menghadihkan kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran sudah tentu mampu menggembirakan ibu bapa yang bersusah payah menyekolahkan kita – setiap ibu bapa menginginkan kejayaan anak-anaknya dalam pelajaran kerana pelajaran menentukan masa depan kita
- (b) mempamerkan tingkah laku yang mulia – mendengar dan mematuhi segala nasihat dengan teliti – dijadikan pedoman hidup – mengelakkan daripada menggunakan bahasa yang kasar apabila bercakap dengan ibu bapa agar tidak menyinggung perasaan mereka
- (c) bersikap terbuka dengan membantu mereka – penat lelah mereka dalam mencari nafkah untuk menanggung kita sekeluarga dapat dikurangkan apabila kita membantu mereka – boleh membantu mereka dengan melakukan kerja-kerja seperti mengemas rumah, memasak, menyiram pokok bunga, dan sebagainya
- (d) sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapa di dunia dan di akhirat – memohon doa kepada tuhan agar ibu bapa diberikan kesihatan yang baik, dipanjangkan umur, dan diampunkan segala dosa – doa boleh diamalkan pada bila-bila masa, lebih-lebih lagi selepas solat

**LISAN MENDENGAR**

**Petikan Pertama**

1. Jus nanas yang diminum dapat menyegarkan badan. (✓)
2. Nanas dapat menurunkan kadar gula dalam tubuh badan seseorang. (X)
3. Kolesterol menyebabkan pembuluh darah tersumbat yang dapat mengakibatkan penyakit kencing manis. (X)

**Petikan Kedua**

|    |                                                                                                |       |   |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|---|
| 1. | Berjoging ialah aktiviti mental yang bermatlamat untuk meningkatkan kecergasan kardiovaskular. | Betul |   |
|    |                                                                                                | Salah | ✓ |
| 2. | Berjoging mengambil masa yang agak lama tetapi pada kelajuan yang sederhana.                   | Betul | ✓ |
|    |                                                                                                | Salah |   |

**Petikan Ketiga**

Bersempena dengan sambutan Hari Kantin Sekolah Kebangsaan

Saujana Putra, gerai Persatuan Bahasa Melayu telah menjual barang-barang kraf tangan. Gerai kami menawarkan potongan harga antara 15 peratus hingga 20 peratus. Bagi pembelian barangan yang melebihi RM25, pembeli akan menerima sebuah cenderamata yang menarik.

Petikan Keempat

| Kaum           | Jumlah Penduduk (%) |
|----------------|---------------------|
| Melayu         | 69.3 peratus        |
| Cina           | 22.8 peratus        |
| India          | 6.9 peratus         |
| Kaum-kaum lain | 1.0 peratus         |

Petikan Kelima

| Keterangan                 | Jawapan                       |
|----------------------------|-------------------------------|
| Tarikh Hari Kantin sekolah | Sabtu                         |
|                            | 8 Mac 2020                    |
| Tujuan                     | 7 Mac 2020                    |
|                            | 8.30 pagi hingga 5.00 petang  |
| Hari                       | memupuk semangat keusahawanan |

Petikan Keenam

1. Kemalangan maut itu berlaku di kilometer 307 Lebuhraya Utara Selatan arah utara.
2. Bas yang terlibat dalam kemalangan itu dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Alor Setar.


Petikan Ketujuh

| Jawatan                                   | Kelayakan        | Tarikh tutup    |
|-------------------------------------------|------------------|-----------------|
| Penolong Pemasaran dan Pegawai Penerbitan | Diploma / ijazah | 15 Oktober 2020 |


Petikan Kelapan

| Meja Guru       |         | Papan Tulis |         |          |  |
|-----------------|---------|-------------|---------|----------|--|
| Meja Komputer   | Marlina | Tasha       | Arina   | Farah    |  |
|                 | Muthu   | A           | Hafiz   | Roshidi  |  |
|                 | Mathew  | Akmal       | B       | Sulaiman |  |
|                 | C       | Sirajul     | Kugenes | D        |  |
| Sudut Informasi |         |             |         |          |  |

Petikan Kesembilan



Petikan Kesepuluh



Pentaksiran Akhir Tahun SKOR

100

KERTAS 1 (02/1)

Bahagian A

- |       |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. B  | 3. A  | 4. B  | 5. B  |
| 6. C  | 7. D  | 8. A  | 9. B  | 10. A |
| 11. B | 12. D | 13. D | 14. D | 15. D |
| 16. B | 17. B | 18. C | 19. C | 20. A |

Bahagian B

1. (i) sesi – sesi  
(ii) Bag – Beg  
(iii) tengahari – tengah hari
2. (i) rebus pucuk ubi – pucuk ubi rebus  
(ii) memperlebar – memperlebar / melebarkan
3. (i) – Encik Musa menyampaikan penghargaan kepada keluarga Pak Mail yang masih bersedih atas kematian Sarjan Akhbar  
– Azizah menggembirakan hati Cikgu Zaleha dengan memenangi kategori Karya Inovatif pada peringkat kebangsaan.  
(ii) – kegigihan – Azizah gigih menyiapkan Tudung Saji 20 Beradik dengan mengambil masa selama lapan minggu – Pak Mail gigih mencari jalan untuk membantu persekolahan cucunya  
– kesyukuran – Cikgu Zaleha bersyukur atas kemenangan Azizah bagi kategori Karya Inovatif – Pak Mail pula bersyukur apabila Encik Musa memberikan penghargaan kepada keluarganya yang kematian Sarjan Akhbar  
(iii) – memberikan kepuasan kepada diri setelah memperoleh kejayaan daripada usaha yang telah dilakukan  
– menunjukkan kemampuan diri dalam melakukan sesuatu pekerjaan  
– dapat menjadi contoh kepada orang lain supaya berusaha dengan gigih bagi mendapatkan sesuatu

4. Destinasi Impian

- (a) Kita hendaklah cekal menempuh cabaran hidup supaya berjaya mencapai matlamat yang hendak dicapai. Contohnya, Johari, Azlina, dan Firdaus meneruskan ekspedisi ke Pantai Morib walaupun tayar basikal Firdaus kempis kerana tertusuk paku dan Azlina mengalami

kemalangan.

- (b) Kita hendaklah menyemai nilai-nilai yang baik dalam kalangan generasi muda. Contohnya, Datuk mencabar Johari, Firdaus, dan Azlina menunggang basikal ke Pantai Morib Baru kerana datuk ingin ketiga-tiga orang cucunya berjaya cekal, tabah, dan berani menghadapi cabaran.
- (c) Kita hendaklah insaf setelah melakukan kesalahan. Contohnya, Firdaus berasa bersalah kerana membohongi Mazlinda yang kononnya dia pandai berenang. Sebagai balasannya, dia telah hanyut di laut.

#### **Sejambak Bakti**

- (a) Kita hendaklah bersabar dalam mengharungi cabaran hidup. Contohnya, Razali bersabar apabila difitnah menceroboh Kedai Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dan dibenci oleh ayah tirinya.
- (b) Kita hendaklah bertanggungjawab dalam menunaikan sesuatu amanah. Contohnya, ahli Lembaga Koperasi Sekolah Teknik Pertanian Seri Kayangan menjalankan tugas dengan dedikasi untuk memperoleh keuntungan yang banyak.
- (c) Kita hendaklah menyayangi anak-anak supaya mereka hidup gembira. Contohnya, Mak Sopiah nekad untuk keluar dari rumah bersama-sama anaknya, Razali jikalau dia dihalau oleh suaminya.

#### **Pelari Muda**

- (a) Kita hendaklah mematuhi nasihat jurulatih. Contohnya, Kamarul mendapat dua pingat emas dalam acara lari pecut 100 meter dan 400 meter setelah mendengar nasihat jurulatihnya, Encik Kadir.
- (b) Kita hendaklah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Contohnya, Adibah melarang Kamarul keluar dari kelas sebelum loceng berbunyi walaupun Kamarul dikehendaki berjumpa dengan Cikgu Zainal di bilik guru.
- (c) Kita hendaklah membantu rakan yang menghadapi masalah. Contohnya, Juriah memujuk Saridah yang berselisih faham dengan Kamarul supaya bersabar dan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk menghadapi peperiksaan SPM.

#### **Formula Termodinamik**

- (a) Kita perlulah berusaha dengan gigih untuk mencapai cita-cita. Contohnya, Amir dan Usamah berusaha untuk menghadapi segala cabaran. Akhirnya, mereka berjaya mencipta mesin 2 dalam 1 dan telah memenangi Anugerah Saintis Muda.
- (b) Kita hendaklah kreatif dan inovatif pada zaman moden ini. Contohnya, Amir dan Usamah telah mengubah suai mesin rumput supaya berfungsi untuk memotong rumput dan mencangkul tanah. Mesin ini amat berguna kepada petani di tempat tinggalnya kerana mudah dikendalikan.
- (c) Kita hendaklah bersikap jujur. Contohnya, Fikri melarang Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebanyak RM1.3 juta kerana perbuatan itu tidak bermoral.

#### **Bahagian C**

1. Pelbagai manfaat dapat diperoleh seseorang dengan mengamalkan amalan membaca. Antaranya termasuklah dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Selain itu, pembaca juga dapat mempelajari sejarah masyarakat dunia di samping mengetahui budaya masyarakat dunia yang sangat unik dan berbeza. Di samping itu, amalan membaca dapat menambahkan perbendaharaan kata dalam kalangan murid serta mengetahui perkataan-perkataan dan istilah baharu. Dengan membaca juga, murid dapat memahami

sesuatu mata pelajaran dengan cepat dan mudah sekali gus membantu murid lulus dengan cemerlang dalam akademik. Amalan membaca juga dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan negara.

2. Kempen Kesedaran Alam Sekitar diadakan di kawasan perumahan Pangsapuri Ara Ria Mantin untuk mendidik masyarakat supaya menjaga kebersihan di kawasan tempat tinggal sendiri. Kempen ini diadakan pada hari Sabtu, iaitu cuti hujung minggu supaya penghuni Pangsapuri dapat menyertainya beramai-ramai. Aktiviti yang dirancang ialah menanam pokok dan melukis mural untuk mengindahkan kawasan Pangsapuri Ara Ria. Selain itu, terdapat pertandingan melukis poster bertemakan alam sekitar dan pertandingan reka cipta menggunakan bahan-bahan terbuang untuk mendidik masyarakat berjimat cermat dan mempraktikkan amalan kitar semula. Kempen ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penghuni Pangsapuri Ara Ria.

#### **KERTAS 2 (02/2)**

##### **Bahagian A**

Sekolah Kebangsaan Bandar Baharu telah mengadakan Hari Keusahawanan sekolah. Hari Keusahawanan ini diadakan pada hari Sabtu.

Semua murid dan guru sibuk menghias gerai dan menyediakan jualan di khemah-khemah yang telah disediakan. Masyarakat setempat turut hadir untuk memeriahkan program dengan membeli barangan jualan tersebut. Acara cabutan bertuah yang turut diadakan telah menjadikan suasana semakin meriah. Kemeriahan majlis semakin terasa ketika persembahan pentas diadakan di kawasan tapak jualan. Para peserta Hari Keusahawanan sangat gembira apabila memperoleh keuntungan daripada jualan mereka selain memperoleh pengalaman yang berharga.

Kesimpulannya, program Hari Keusahawanan berjaya mencapai objektifnya. Hal ini hasil daripada sokongan oleh semua pihak.

##### **Bahagian B**

###### **1. Pendahuluan:**

menyertai kempen selamatkan hutan bersama-sama keluarga – diadakan pada hari Sabtu – bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya menjaga khazanah hutan

###### **Isi-isi:**

- (a) menyertai aktiviti menanam pokok – menanam sebatang pokok bersama-sama keluarga – ayah membuat lubang – saya memasukkan pokok ke dalam lubang dan menimbusnya – ibu dan adik menyiram pokok
- (b) para pengunjung turut menyertai aktiviti kitar semula – membawa barang-barang yang boleh dikitar semula – kitar semula kertas lama dapat mengelakkan penebangan pokok – sangat bangga akan penyertaan orang ramai
- (c) mendengar ceramah yang berkaitan dengan hutan – kepentingan hutan – langkah-langkah melindungi kawasan hutan – disampaikan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar – memberikan tumpuan sepenuhnya
- (d) turut memenangi cabutan bertuah – mendapat hamper – tidak sangka – sangat gembira

###### **Penutup:**

kempen berakhir pada pukul 3.00 petang – sangat berpuas hati – banyak mendapat pengetahuan

## 2. Pendahuluan:

hutan memainkan peranan penting dari segi ekonomi, pembangunan, dan ekologi – penerokaan hutan secara berleluasa dapat memberikan kesan buruk – langkah-langkah yang wajar perlu diambil untuk mengatasi masalah ini

### Isi-isi:

- (a) mengawal aktiviti pembalakan – menentukan had umur pokok balak yang boleh ditebang – supaya pembalakan tidak menebang pokok sewenang-wenangnya – pihak yang melanggar peraturan perlu dikenakan tindakan undang-undang
- (b) menanam pokok yang ditebang semula – supaya pokok tidak pupus dan terus terpelihara – menjalankan kempen penanaman semula pokok selepas ditebang secara giat – memastikan bekalan sumber hutan berterusan
- (c)ewartakan kawasan hutan sebagai taman negara atau hutan simpan – mengelakkan pencerobohan dan pembalakan haram – menjamin hidupan flora dan fauna – mengekalkan keindahan alam semula jadi
- (d) mengadakan kempen kesedaran – mendedahkan kepentingan hutan dalam ekosistem kita – menjalankan kempen di sekolah melalui aktiviti ceramah dan pertandingan bertemakan alam sekitar – mengedarkan risalah kepada orang ramai dan memaparkan poster-poster di tempat awam

### Penutup:

semua pihak harus bekerjasama untuk memelihara dan

memulihara hutan demi kesejahteraan sejagat

## 3. Pendahuluan:

kata alu-aluan – menyatakan tajuk ceramah – kepentingan kawasan hutan

### Isi-isi:

- (a) habitat flora dan fauna – pelbagai jenis unggas, haiwan liar, dan tumbuh-tumbuhan yang sangat berharga dan unik – kepelbagaian flora dan fauna menjadikan ekosistem lebih terkawal – menjadi tatapan pencinta alam dan generasi akan datang
- (b) hutan membekalkan kayu-kayan yang berharga – untuk keperluan industri khususnya perabot dan perumahan – dijual di dalam negara dan dieksport – negara memperoleh pendapatan – menjana ekonomi negara
- (c) kawasan tadahan hujan – mengelakkan banjir dan tanah runtuh – akar-akar pokok akan mencengkam tanah dan memperlahankan larian air di permukaan tanah
- (d) kawasan ekopelancongan dan rekreasi – keindahan hutan dan kepelbagaian flora dan fauna menjadi daya tarikan pelancong domestik dan pelancong asing – pengunjung dapat menenangkan fikiran, menjelajah kawasan hutan, dan melakukan aktiviti lasak untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman

### Penutup:

kawasan hutan memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara – semua pihak perlu memelihara hutan untuk kesejahteraan bersama